

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"KITA memang menyedari bahawa belia-belia, tidak terkecuali juga belia Islam, sedang berhadapan dengan cabaran-cabaran getir. Mereka adalah sedang diasak oleh cabaran-cabaran yang boleh mencairkan iman yang datanginya dari pelbagai penjuru. Ada yang menyusup secara senyap-senyap melalui bahan-bahan bacaan dan ada juga secara lebih terbuka melalui fesyen-fesyen pakaian, melalui seni-seni drama, nyanyian dan tarian." - Titah pada Majlis Musabqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-4 Tahun 2007.



# Pelita BRUNEI

قالبونے

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسہ ایمان

MANISNYA IMAN

"DIA (Allah) memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya Dia telah diberikan kebajikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikir dan memahaminya." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 269.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 52

30 APRIL 2018 / 1439 شعبان 14

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## Berangkat hadir Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32



IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN

- Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam
- infodept.bn
- infodept\_bn

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menyertai Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain bagi sesi bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang berlangsung di Island Ballroom, Hotel Shangri-La, Republik Singapura. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman (Lihat muka 5, 6 dan 7).

## Berangkat ke Majlis Bersanding

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Ahad, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah, anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran

Anak Haji Idris. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Baitun Na'aim dijunjung oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Ke muka 3



Muka 8 & 9

457 dikurniakan Pingat Kehormatan NBD



Muka 11

BIBD tawarkan pelbagai perkhidmatan memiliki rumah



# Akhiri pencemaran plastik

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Sejahtera dan  
Selamat Pagi

**S**AYA berasa gembira kerana dapat hadir dan berhimpun bersama-sama di majlis pada pagi ini bagi merasmikan Pelancaran Penambahan Hari Khamis Sebagai Hari Tanpa Beg Plastik dan juga sempena menyambut Hari Bumi 2018 yang disambut pada 22 April setiap tahun.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dan semua pihak yang turut serta dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Saya difahamkan bahawa penambahan hari Khamis ini merupakan salah satu usaha jabatan untuk menambah Hari Tanpa Beg Plastik menjelang Januari 2019. Saya juga difahamkan bahawa penambahan hari Khamis ini dilaksanakan dengan sokongan dan dukungan dari beberapa buah gedung-gedung perniagaan, pasar raya dan kedai-kedai runcit seluruh negara di bawah program kesedaran alam sekitar peringkat negara.

Majlis pada pagi ini merupakan satu usaha murni yang ada hubungan erat di antara tuntutan kebersihan dengan penjagaan alam sekitar. Beg plastik sememangnya memberi kemudahan kepada penjaga dan pengguna untuk mengisi barang-barang belian dan jualan secara mudah dan murah. Pengguna tidak perlu membawa bekas bila membeli-belah di gedung-gedung atau kedai kerana beg plastik memang dijadikan bekas untuk pengisian barang.

Tetapi tahukah kita semua bahawa beg plastik merupakan sampah yang paling banyak mengotorkan alam sekitar? Kerana ia mudah dan murah didapati, maka sangat mudah dan senang juga dibuang di merata-rata tempat. Lebih teruk lagi bahan plastik adalah tidak mesra alam. Ia tahan dan sukar untuk reput.

Oleh kerana beg plastik dan bahan-bahan plastik ini mendatangkan masalah dari segi kebersihan dan alam sekitar, maka Kementerian Pembangunan melalui JASTRe telah pun melancarkan beberapa Kempen Hari Tanpa Plastik bermula pada 26 Mac 2011 setiap hari Sabtu dan Ahad dan dilanjutkan lagi penambahan pada hari Jumaat bermula 17 Februari 2013 bagi menyedarkan pengguna-pengguna mengenai masalah yang akan dihadapi akibat dari penggunaan plastik secara berleluasa.

Alhamdulillah, hari ini, 3 Syaaban 1439 Hijrah bersamaan dengan 19 April 2018 Masihi, inisiatif ini dapat diteruskan lagi dengan menambah hari Khamis sebagai Hari Tanpa Plastik menjadikan empat hari dalam seminggu tanpa beg plastik yang mana juga bersempena dengan Sambutan Hari Bumi 2018 yang bertemakan 'End Plastic Pollution' ataupun 'Akhiri



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran Penambahan Hari Khamis Sebagai Hari Tanpa Beg Plastik pada Khamis, 3 Syaaban 1439 Hijrah bersamaan 19 April 2018 Masihi di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

## Pencemaran Plastik'

Penambahan hari Khamis yang menjadikan empat hari dalam seminggu tanpa beg plastik ini yang merupakan kesinambungan 'inisiatif hujung minggu tanpa beg plastik' telah memberikan tindak balas yang agak positif daripada orang ramai. Sambutan yang baik ini dapat kita lihat melalui kaji selidik yang dijalankan oleh pihak JASTRe pada tahun 2015 di empat buah gedung perniagaan utama di Daerah Brunei dan Muara, dengan menyasarkan pembeli-pembeli (*customers*) untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik. Kaji selidik tersebut telah melibatkan sejumlah lebih satu ribu responden yang antara lain hasil kaji selidik tersebut adalah seperti berikut :

- 80 peratus menyokong kebaikan Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik;
- 20 peratus responden mengongsi bahawa mereka menggunakan beg guna semula setiap hari (bukan semasa hujung minggu sahaja) yang mencerminkan penerimaan yang positif daripada orang ramai dari segi penggunaan alternatif yang lebih mesra alam seperti beg-beg guna semula atau *reusable bags*.
- 52 peratus responden memilih hari Khamis sebagai tambahan hari, diikuti dengan hari Isnin (18.5 peratus);
- 64 peratus mengetahui dan menyedari kesan-kesan negatif penggunaan bagi plastik dan menyokong cadangan untuk memberhentikan penggunaan beg plastik

secara keseluruhannya.

Dan melalui kaji selidik lain yang dijalankan oleh JASTRe telah mendapati bahawa penggunaan beg plastik di sebuah pasar raya di negara ini ialah 3,000 hingga 8,000 beg plastik pada setiap hari Sabtu dan Ahad. Daripada jumlah tersebut kajian mendapati bahawa setiap pasar raya menggunakan di antara 144,000 hingga 393,600 beg-beg plastik setiap tahun hanya pada setiap hari Sabtu dan Ahad. Dapatan ini tidak termasuk penggunaan beg plastik pada hari-hari biasa atau beg plastik yang digunakan ini di kedai-kedai runcit atau pasar malam dan gerai-gerai di seluruh negara.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa bahan plastik adalah bahan yang tidak mudah reput, ia akan kekal di tapak pelupusan pada jangka masa yang panjang. Kajian telah menunjukkan bahawa 16 peratus daripada jumlah yang dibuang di tapak pelupusan kita adalah terdiri daripada bahan plastik. Jika jumlah plastik yang dilupuskan ini berterusan atau meningkat, keperluan kawasan tanah pelupusan juga akan meningkat. Lebih membimbangkan lagi jika bahan plastik ini reput ia mengeluarkan partikel toksik yang boleh mencemarkan tanah atau sumber air di bawah permukaan tanah. Jika plastik dibakar, ia akan mengeluarkan gas dioksin yang karsinogen iaitu satu bahan penyebab kanser.

Kita juga sering melihat sampah daripada sisa bahan plastik tersadai dan terapung-apung di Sungai Brunei, dibakut-bakut terutama sekali di persekitaran Kampong Ayer yang mencemarkan keindahan alam sekitar dan secara langsung menjejaskan imej negara kita terutama sekali apabila para pelancong melihat sampah sarap daripada bag plastik mencemarkan sungai kita. Sampah sarap daripada bahan plastik juga sering mengotori longkang-longkang dan boleh menyekat aliran air yang menyebabkan kejadian banjir.

Tabiat setengah orang ramai yang suka membuang bekas-bekas beg plastik dan sisa bahan plastik ke dalam sungai dan longkang-longkang dengan sewenang-wenangnya sangatlah menyedihkan, walaupun banyak usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk mengatasi masalah ini, namun masih lagi terdapat sampah-sampah plastik dibuang di perairan sungai kita.

Perbuatan buruk manusia, termasuk merosakkan alam sekitar adalah bercanggah dengan naluri manusia yang memang suka kepada kebersihan. Tabiat buruk merosakkan alam sekitar adalah bercanggah dengan naluri dan tidak amanah dengan janji manusia terhadap Allah sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Ahzab, ayat 72, yang lebih kurang bermaksud :

Ke muka 21

Dari Sidang  
Pengarang.

30 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 شعبان 14

## NISFU SYAABAN, MALAM PENUH BERKAT

**B**ULAN Syaaban merupakan satu bulan yang banyak keistimewaan dan keberkatan. Ia merupakan antara bulan yang disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda memperbanyakkan puasa sunat berbanding dengan bulan-bulan yang lain.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi, maksudnya :

"Daripada Aisyah Radiallahuha dia telah berkata : Aku tidak pernah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sunat dalam sebulan lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban."

Melihat akan ini, sebagai umat Islam, sewajarnya kita mencontohi apa yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan puasa sunat, membaca Al-Quran, berdoa, berzikir, bertaubat, beristighfar, bersedekah dan seumpamanya. Di samping mengerjakan amal ibadat dan kebajikan, ia juga merupakan suatu latihan rohani bagi mempersiapkan diri menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak.

Bulan Syaaban juga merupakan bulan latihan bagi membiasakan dan mempersiapkan diri bagi menunaikan kewajipan berpuasa dalam bulan Ramadan. Bagi mereka yang sudah biasa berpuasa sunat di bulan Syaaban atau bulan-bulan yang sebelumnya tentu mereka ini berasa mudah dan ringan untuk mengerjakan ibadat puasa di bulan Ramadan. Oleh itu, perlu diingat jika kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum diqada, maka tunaikanlah puasa itu semasa kita masih ada waktu sebelum tibanya bulan Ramadan.

Pada Khutbah Jumaat baru-baru ini, iaitu pada 20 April 2018, telah dinyatakan bahawa perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang bulan Ramadan yang berikutnya adalah berdosa dan diwajibkan ke atasnya mengqada puasa tersebut dan membayar fidyah. Oleh itu, janganlah dilengah-lengahkan lagi qada puasa sehingga datangnya Ramadan yang baharu.

Alhamdulillah, baru-baru ini telah ditetapkan bahawa 1 Syaaban 1439 Hijrah adalah jatuh pada Selasa, 17 April 2018. Justeru, Nisfu Syaaban bagi Tahun 1439 Hijrah adalah jatuh pada petang ini, iaitu Isnin, malam Selasa, 30 April 2018 Masihi.

Di bulan Syaaban ini, umat Islam diseru untuk meningkatkan amalan dan ia adalah salah satu bulan yang mempunyai keistimewaan kerana dalam bulan ini terdapat satu malam yang dikenali sebagai Nisfu Syaaban, malam yang penuh berkat, rahmat dan doa dimakbulkan. Melihat betapa besarnya kelebihan dan keistimewaan yang terdapat di bulan Syaaban ini, maka sewajarnya kita merebut peluang ini dengan sebaik-baiknya.

Berkata Imam As-Syafie dalam kitabnya al-Umm : "Telah sampai kepada kami bahawa dikatakan sesungguhnya doa-doa dikabulkan pada lima malam, iaitu pada malam Jumaat, malam Hari Raya Adha, malam Hari Raya Fitriah, malam pertama di bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban. Oleh itu, hidupkan malam tersebut dengan berzikir, membaca Al-Quran dan lain-lain amalan untuk mendapatkan rahmat dan keridaan Allah Subhanahu Wata'ala."

Umat Islam di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan menghidupkan malam Nisfu Syaaban ini.

Salah satu amalan yang seringkali diamalkan dan dilakukan ialah membaca Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali selepas Sembahyang Fardu Maghrib dengan niat, memohon doa agar dipanjangkan umur dengan beramal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, memohon agar dijauhkan daripada bala bencana dan memohon agar dimurahkan rezeki yang halal lagi bermanfaat.

Selain itu bagi menghidup malam Nisfu Syaaban ialah dengan berzikir, membaca Al-Quran dan lain-lain amalan yang berfaedah dan berkebaikan dengan niat untuk mendapatkan pahala, rahmat dan keridaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, turut dimaklumkan oleh Urusetia Piala Hassanal Bolkiyah Kejohanan Bola Sepak ASEAN 2018, bagi menghormati Nisfu Syaaban 1439 Hijrah, perlawanan bola sepak bagi Kumpulan 'A' antara pasukan Negara Brunei Darussalam dan Myanmar di Stadium Negara Hassanal Bolkiyah (SNHB) dan juga Kumpulan 'B' antara pasukan Singapura dan Kemboja di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiyah, Berakas yang telah dijadualkan pada Isnin, 30 April 2018 bermula jam 8.15 malam adalah diubah waktu perlawanannya kepada jam 9.00 malam bagi kedua-dua perlawanan. Pintu-pintu masuk akan dibuka kepada orang ramai bermula jam 7.30 malam di kedua-dua venue perlawanan.

Orang ramai juga dimaklumkan bahawa tempat-tempat menunaikan solat ada disediakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiyah (Multi Purpose Hall) dan Surau SNHB, di mana Sembahyang Fardu Maghrib, membaca Surah Yaa Siin dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah akan diadakan.

Bulan Syaaban penuh keistimewaan dan keberkatan. Oleh itu, marilah kita tingkatkan amal ibadat untuk mendapatkan rahmat dan pengampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

- Ketua Penyuntingan (Ss).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 26 °C	33 25 °C	33 26 °C
PEKAN BANGAR		
32 25 °C	33 26 °C	33 25 °C
PEKAN TUTONG		
33 26 °C	33 25 °C	34 25 °C
KUALA BELAIT		
32 26 °C	33 26 °C	34 25 °C

Wallahualam Bissawab  
Jabatan Kaji cuaca  
Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX  
App

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	ISNIN	14	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	SELASA	15	4.39	4.49	6.09	6.32	12.18	3.35	6.26	7.38
2	RABU	16	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	KHAMIS	17	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
4	JUMAAT	18	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
5	SABTU	19	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.38
6	AHAD	20	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN  
KECEMASAN

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC  
123  
2380214



# Berangkat ke Majlis Bersanding



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah, anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan bergambar bersama YAM Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah dan bersama Yang Mulia Dayang Nur Akmalia binti Awang Iskandar.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

**Dari muka 1**

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran

Muda Haji Jefri Bolkiah. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah.

**Ke muka 4**



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; DYT Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.



JUGA berangkat, DYT Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah serta kerabat diraja yang lain.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris pada Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah (atas), sementara gambar bawah kiri, baginda berdua berkenan menerima junjung ziarah daripada kedua mempelai. Majlis Bersanding adalah di antara YAM Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bersama Yang Mulia Dayang Nur Akmalia binti Awang Iskandar (bawah kanan).

**Dari muka 3**

Majlis Bersanding adalah di antara YAM Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bersama

Yang Mulia Dayang Nur Akmalia binti Awang Iskandar. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada majlis itu, Kebawah

DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada kedua mempelai.

Juga menerima junjung ziarah, DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta kerabat diraja yang

lain. Turut berangkat dan hadir pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli keluarga yang berkenaan.



ANTARA YAM Pengiran-Pengiran Cheteria dan jemputan khas yang hadir pada Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan di antara YAM Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bersama Yang Mulia Dayang Nur Akmalia binti Awang Iskandar (kanan dan kiri).



# Berangkat hadir Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama-sama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya pada pameran 'Smart Nation Showcase'.

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman,**  
**ASEAN2018 Organising Committee**

**REPUBLIK SINGAPURA,** Sabtu, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 yang

berlangsung di Island Ballroom, Hotel Shangri-La, Republik Singapura. Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong selaku Pengerusi ASEAN dan isteri, Puan Ho Ching.

Majlis Pembukaan Rasmi tersebut dimulakan dengan persembahan lagu tema ASEAN, diikuti dengan ucapan pembukaan daripada TYT Perdana Menteri Republik Singapura dan Pengerusi ASEAN bagi mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN ke Singapura. Baginda kemudiannya menyertai Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain bagi sesi bergambar ramai. Selepas Majlis Pembukaan Rasmi, Kebawah DYMM bersama-sama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN

lainnya beredar ke pekarangan Island Ballroom bagi menyaksikan pameran 'Smart Nation Showcase'.



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong selaku Pengerusi ASEAN ketika memberi ucapan pembukaan bagi mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN ke Singapura (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya beredar ke pekarangan Island Ballroom bagi menyaksikan pameran 'Smart Nation Showcase'.



# Kerjasama Brunei - Singapura terus kukuh



**REPUBLIK SINGAPURA,** Sabtu, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman,  
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong selaku Pengerusi ASEAN.

Perjumpaan dua hala tersebut berlangsung di Hotel Shangri-La, Republik Singapura.

Sejurus keberangkatan tiba di Bilik Azalea 1, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dialu-alukan oleh TYT Perdana Menteri Republik Singapura dan Pengerusi ASEAN.

Semasa perjumpaan dua hala tersebut, Kebawah DYMM dan TYT berbincang mengenai isu-isu semasa, serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama, termasuk kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.


Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan



Republik Singapura telah dijalin pada bulan Januari 1984.

Kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam pelbagai bidang termasuk pertahanan, kewangan, perdagangan dan pelaburan, pelancongan, kesihatan dan pendidikan dan berkongsi perjanjian jangka masa panjang seperti Perjanjian Pertukaran Mata Wang.

## Brunei - Myanmar bincang kerjasama dua hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Win Myint.

**REPUBLIK SINGAPURA,** Sabtu, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Win Myint.

Perjumpaan dua hala tersebut berlangsung di

Hotel Shangri-La, Republik Singapura.

Semasa perjumpaan dua hala tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT Presiden

Republik Kesatuan Myanmar berbincang mengenai isu-isu semasa, serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama, termasuk kerjasama dua hala di antara

Negara Brunei Darussalam dan Republik Kesatuan Myanmar.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Kesatuan Myanmar telah dijalin pada 21 September 1993.





# Berangkat meninggalkan Republik Singapura



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sejurus sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman baginda (atas), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.



Pin Min. Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Mansor.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

SINGAPURA, Sabtu, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini

berkenan berangkat meninggalkan Republik Singapura selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32. Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman baginda, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin

Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Berada di Kompleks VIP, Lapangan Terbang Antarabangsa Changi bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Negara Kanan bagi Kesihatan dan Pengangkutan, Republik Singapura, Dr. Lam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka berkenan berangkat meninggalkan Republik Singapura selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32.



DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

## Bincangkan isu kepentingan bersama



Siaran Akhbar :  
Jabatan Perdana Menteri

SINGAPURA, Sabtu, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32. Sesi berlangsung di Tower B Ballroom, Hotel Shangri-La, Republik Singapura. Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 turut dihadiri oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi. Sesi Retreat itu dimulakan dengan ucapan pembukaan daripada Perdana Menteri Republik Singapura dan Pengerusi ASEAN, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32.

bagi mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN ke Sesi Retreat tersebut. Semasa Sesi Retreat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan para Pemimpin ASEAN yang lain telah membincangkan isu-isu kerjasama dan bertukar-tukar pandangan tentang isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama serta hubungan-hubungan luar dan hala tuju ASEAN. Selesai Sesi Retreat tersebut, Kebawah DYMM berangkat ke Tower A Ballroom untuk menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura dan Pengerusi ASEAN, TYT Lee Hsien Loong.



# 457 dikurniakan Pingat Kehormatan NBD



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 457 penerima yang terdiri

daripada pegawai dan kakitangan kerajaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-71 Tahun.

Berangkat mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara, selaku Wakil Peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda

Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Juga berangkat pada Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said

Pengurniaan pingat-pingat dimulakan dengan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) kepada 25 penerima, iaitu 20 lelaki dan lima perempuan yang didahului oleh Awang Muhammad Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Kolonel (B) Dato Seri Pahlawan Haji Kefli dari Jabatan Perdana

Menteri.

Para penerima mewakili JPM, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sementara Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pula dikurniakan kepada 338 penerima, iaitu 224 lelaki dan 114 perempuan terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan yang didahului oleh Awang Roshimey bin Haji Ibrahim dari JPM.

Ke muka 9

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) kepada penerima lelaki (kiri sekali) dan berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) kepada penerima yang terdiri daripada penerima perempuan (kiri).



YANG Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat; Timbalan-timbalan Menteri; Pengiran-Pengiran Peranakan; Pehin-pehin Manteri; Manteri-manteri Pendalaman; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi; Duta-duta Besar antara yang hadir pada Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

**Dari muka 8**

Penerima P.I.K.B. terdiri daripada 52 orang daripada pegawai dan kakitangan JPM; 131 dari Kementerian Pertahanan; tiga dari Kementerian Kewangan; empat dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; 79 dari KHEDN; 34 dari

Kementerian Pembangunan; tujuh dari KSSUP; dan 28 orang dari Kementerian Perhubungan. Dua pingat baharu, iaitu Pingat Pahlawan Periwara (P.P) dan Pingat Asgar Pahlawan (A.P) juga disampaikan pada majlis penganugerahan tersebut. Para penerima terdiri daripada perwira-perwira Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan yang telah menyumbangkan jasa dan bakti mereka dengan mengharumkan nama negara di persada dunia. Penerima P.P terdiri daripada 88 orang, iaitu 83 lelaki dan lima perempuan, manakala Pingat A.P diterima oleh seramai enam orang penerima. Bagi memberkati Istiadat

Pengurniaan Pingat tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat; Timbalan-timbalan

Menteri; Pengiran-Pengiran Peranakan; Pehin-pehin Manteri; Manteri-manteri Pendalaman; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi; Duta-duta Besar; Setiausaha-setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim serta Ketua-ketua Kampung.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara, iaitu Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) kepada para pegawai beruniform (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) kepada para penerima wanita.





# Minyak wangi, tudung Arum Couture dilancarkan



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Siti Radhiah binti Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof berkenan berangkat melancarkan jenama Arum Couture bertempat di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hamzah Haji Mohidin

**JERUDONG, Sabtu, 28 April.** - Jenama minyak wangi dan scarf dari Malaysia Arum Couture dilancarkan di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Siti Radhiah binti Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan Presiden Arum Couture (Brunei), Awang Adi Mardi bin Ajmain menjelaskan, idea asal Arum Couture adalah secara tidak sengaja.

Menurutnya, pengasas yang selalu membuat perjalanan ulang alik dari Malaysia dan Brunei

Darussalam ingin mencari idea perniagaan yang tidak bermusim (seasonal) dan berpatutan serta mengikut tren di pasaran.

Katanya, dua syarikat Brunei telah dipilih untuk bekerjasama dan mempunyai kemahiran dan kepakaran masing-masing.

"Kolaborasi ini adalah sangat unik dan juga sangat sesuai kerana ini merupakan dua barangan yang sememangnya tidak dapat ditinggalkan bagi seorang wanita, terutama sekali di negara-negara kita Brunei, Malaysia dan lain-lain," jelasnya.

Majlis diteruskan dengan pelancaran laman sesawang Arum Couture dan aplikasi mudah alih dan diselajurkan dengan melawat pameran tudung.



YAM Pengiran Anak Hajah Siti Radhiah berkenan melancarkan aplikasi mudah alih jenama Arum Couture.



YAM Pengiran Anak Hajah Siti Radhiah berkenan menyaksikan pameran jenama Arum Couture.

## Lawatan ke arah gaya hidup sihat



KUMPULAN Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (KI) semasa membuat lawatan ke Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Jalan Commonwealth, Berakas.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 April.** - Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (KI) membuat lawatan ke Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Jalan Commonwealth, Berakas, di sini.

Rombongan lawatan disertai oleh kedua-dua Pengerusi kumpulan berkenaan, Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Dayang Hajah Rosnah binti Abdullah selaku Pengerusi I dan Pengerusi II, Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Mohamad.

Tujuan utama lawatan berkenaan ialah untuk meraih ilmu mengenai membina cara hidup sihat, di

samping memberikan pengetahuan kepada Ahli-ahli KI tentang fungsi dan peranan Pusat Promosi Kesihatan.

Lawatan seumpama ini merupakan aktiviti tahunan kumpulan berkenaan bagi mengeratkan silaturahim di kalangan ahli-ahlinya.

Atur Cara lawatan dimulai dengan lawatan ke Galeri Kesihatan dan kemudian menyaksikan Pesta Mini 'Brunei Activation Week'.

Rombongan juga seterusnya diberikan taklimat mengenai Pusat Promosi Kesihatan dan program-program kesihatan yang dikendalikan oleh pusat berkenaan.

Lawatan diakhiri dengan sesi dialog mengenai tatacara bagi menggalakkan gaya hidup sihat di negara kita.



# BIBD tawarkan pelbagai perkhidmatan memiliki rumah



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menyempurnakan perasmian Festival Pameran Rumah (Home Showcase) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) edisi ke-12 (kiri) dan gambar kanan, Yang Berhormat Menteri semasa menyaksikan pameran tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 April. - Festival Pameran Rumah (Home Showcase) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) kembali lagi bagi edisinya ke-12 tahun ini, yang menetengahkan kepentingan memiliki rumah atau kediaman sendiri, di samping menawarkan platform sehenti (*one-stop platform*) bagi pemilik rumah prospektif dan yang sedia ada.

Perasmiannya disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), berlangsung di Cawangan BIBD, Kiulap, di sini. Semasa festival tersebut juga menyaksikan penamaan semula Pusat Pembiayaan BIBD kepada 'BIBD Kiulap Home Center', iaitu yang kedua selepas Home Centre pertama di Panaga.

Ini adalah untuk menyatukan perkhidmatan penyelesaian dan pembiayaan rumah BIBD di bawah satu bumbung untuk kemudahan pelanggannya. Dalam pameran keupayaan digital BIBD, pengunjung juga ditawarkan perspektif unik untuk mengalami sendiri konsep rumah impian mereka melalui realiti maya yang memberikan peluang kepada para pengunjung untuk membina, memiliki rumah sendiri, selain melihat hartanah yang ditawarkan oleh Realtors. Selain itu, festival ini juga menjadi saluran bagi usahawan

tempat dan Perusahaan Kecil dan Sederhana, termasuk rakan kongsi Realtors dan pemaju rumah untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka. Di waktu yang sama, para pengunjung juga berpeluang untuk menyaksikan sendiri dua unit Fabular (rumah pintar dan kompak pertama di Brunei) yang dipamerkan. Ketua Perbankan Runcit BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md Jaafar menjelaskan, memiliki rumah kediaman boleh menjadi salah satu keputusan yang paling penting dalam hidup di samping melabur dalam masa

depan yang mampan. Untuk itu jelasnya, BIBD bersedia membantu pada setiap langkah dalam perjalanan ke arah merealisasikan rumah impian masing-masing, memperkemas proses dan menawarkan pelbagai kemudahan. BIBD tetap komited untuk menyokong pembangunan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana dan usahawan tempatan menurut Wawasan 2035 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan platform untuk pertumbuhan.

## Berubah ke arah yang lebih baik



TAZKIRAH bersempena Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkah' dihadiri sama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud. Tazkirah disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali (Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei).

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 April. - Faktor dalaman merupakan faktor yang menyumbang ke arah perubahan

yang lebih baik. Untuk berubah ke arah yang lebih baik kita perlu menjadi baik terlebih dahulu iaitu baik menurut

pandangan Allah bukannya pandangan makhluk. Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali (Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei) menyatakan demikian dalam tazkirahnya bersempena Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkah' sejurus

selepas menunaikan Solat Fardhu Subuh awal bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini. Tazkirah 'Berubah Ke Arah Yang Lebih Baik' antara lain menggariskan bahawa terdapat dua ciri orang baik, iaitu mengetahui peranan serta

tanggungjawabnya sebagai Hamba Allah dan mengetahui peranan dan tanggungjawabnya sebagai khalifah. Menurutnya, kunci perubahan bermula dari diri sendiri dan apa yang terpenting adalah berusaha dan berdoa. "Jangan sampai umur kita habis dalam angan-angan dan khayalan semata-mata tanpa ada perubahan yang dihayati kerana Allah tidak akan memberi perubahan sebelum kita mau dan memulakan serta berusaha untuk berubah," tambahnya. Hadir bersama para jemaah bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



# KHEU bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 April. - Hampir 200 warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang

Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Timbalan SUT (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Timbalan SUT (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang serta pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki KHEU.

Juga hadir di majlis tersebut ialah tenaga pengajar, guru-guru dan mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Institut Tahfiz Al-Quran Sultan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (tiga, kanan) semasa mengetuai Kementerian Hal Ugama pada Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit bagi Tahun 1439H / 2018M di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Haji Hassanil Bolkiah serta penuntut-penuntut lelaki Sekolah-sekolah Arab Daerah Brunei Muara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Pegawai Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang

Dimulakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

## Menteri KSSUP lawat pengusaha pertanian

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (depan, tiga dari kiri) membuat lawatan kerja bagi meninjau aktiviti-pengusaha-pengusaha pertanian di Daerah Brunei dan Muara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 April. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong membuat lawatan kerja bagi meninjau aktiviti-pengusaha-pengusaha pertanian di Daerah Brunei dan Muara pada 11 April lalu.

Lawatan termasuk ke Syarikat K.N Nursery (B) Sdn. Bhd., Syarikat Norajjah Plantation Sdn. Bhd. dan RZ Prisma Enterprise.

Turut hadir pada lawatan tersebut ialah Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Lawatan dimulakan di Rimba Garden Central yang dimiliki oleh Syarikat K.N Nursery (B) Sdn. Bhd. di Kawasan Kemajuan Pertanian Rimba, Gadong.

Rimba Garden Central merupakan satu pencapaian besar bagi syarikat tersebut yang bermula sebagai sebuah syarikat nurseri dan landskap pada tahun 1988 oleh Pengarah Urusannya, Awang Patrick Lau.

Syarikat ditawarkan tapak yang berkeluasan 6.9ha untuk membina dan mengendalikan sebuah pusat taman nurseri berteknologi tinggi yang menawarkan pelbagai jenis tanaman hiasan dan bunga-bunga, herba-herba, sayur-sayuran, buah-buahan, peralatan dan perkakas tanaman seperti pasu, gunting, baja-bajaan dan media tanaman.

Selain itu, tapak tersebut juga menyediakan sebuah Garden Cafe dan kemudahan rekreasi dan

landskap seperti *musical water fountain* dan *waterwheel* dan *waterfalls*. Pembinaan projek fasa pertama ini bermula pada 11 November 2014 bagi keluasan seluas 4.8ha.

Ketika ini, tapak seluas 2.1ha lain digunakan untuk pertumbuhan tanaman orkid. Soft Opening bagi Rimba Garden Center itu telah diadakan pada 22 Januari lalu dengan pembukaan bangunan utama Garden Centre dengan jumlah kawasan lebih dari 2,000 meter persegi dan kawasan penjualan 'outdoor' dengan keluasan kira-kira 5,000 meter persegi.

Garden Centre tersebut mempunyai satu pasukan Horticulturist dan ahli Patologi berpengalaman, di mana para pelanggan dan orang awam boleh mendapat nasihat mengenai cara-cara penjagaan tanaman.

Dengan adanya penubuhan Garden Centre tersebut, diharapkan ia akan meningkatkan lagi minat orang ramai dalam tanaman bunga-bunga dan landskap serta meningkatkan lagi perkembangan industri Florikultur di negara ini.

Lawatan diteruskan ke ladang Syarikat Norajjah Plantation Sdn. Bhd., di tapak Lot C (2 ha) dan Lot 57 (1.3 ha), Simpang 525-174, Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batumpu Kampung Masin. Syarikat tersebut mula bergiat pada bulan Ogos 2016.

Tapak berkeluasan 3.3 hektar itu diusahakan dengan perusahaan ayam kampung. Syarikat ini mempunyai 12 buah reban, di mana lapan buah reban digunakan dalam pengeluaran daging ayam kampung yang aktif. Sistem pemeliharaan adalah menggunakan

cara semi intensif, iaitu reban ayam terbuka atau konvensional, tetapi ternakan adalah berlepas (free range).

Syarikat tersebut adalah yang terbesar dalam pemeliharaan ayam kampung di negara ini. Setiap reban mempunyai kapasiti 2,500 ekor dan Pengurus ladang, iaitu Mr. Lim Beng Chee menjelaskan bahawa penjagaan adalah untuk selama tiga bulan sebelum ia disembelih.

Pihak syarikat mendapatkan perkhidmatan penyembelihan dari Pusat Penyembelihan Haji Jamahat sebelum dipasarkan ke pasar raya. Pemakanan ternakan juga dicampur dengan EM (Effective Microorganism) sejak dari anak ayam dan ini menyebabkan tumbesaran ternakan sangat memuaskan, iaitu mencecah 1.2 - 1.5 kg *dress weight* selepas penyembelihan. Pengeluaran ladang pada tahun 2017 adalah berjumlah 17,322 ekor dan sumber baka anak ayam adalah melalui pengimportan dari Sabah. Hasil ladang dipasarkan melalui pasar raya seperti Hua Ho Departmental Store, Supa Save dan Utama Grand dengan harga jualan BND8.30 / kg. Hasil jualan syarikat berkenaan setahun adalah dianggarkan berjumlah BND200,000.00

Lawatan berakhir di ladang RZ Prisma Enterprise di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kampung Kilanas yang berkeluasan 1 hektar. Syarikat ini telah mula bergiat pada Disember 2017. Tapak tersebut diusahakan dengan berbagai tanaman bernilai tinggi dan bebas racun seperti berbagai varieti salad (Green oak, Red Coral, Frillice Iceberg, Butterhead & Cos Romaine), tomato dan cili. Tanaman tersebut ditanam dengan menggunakan sistem teknologi tinggi seperti sistem hidroponik, sistem *vertical* dan rumah terlindung. Syarikat ini telah mengusahakan empat buah rumah terlindung dan akan mengusahakan dua lagi rumah terlindung dalam masa terdekat.

Produk dari syarikat itu dikenali dengan jenama atau label 'Bru Gro'. Syarikat itu mampu menghasilkan kira-kira 100 kilogram salad setiap minggu. Hasil ladang syarikat tersebut dijual di pasar raya-pasar raya tempatan dan restoran. Syarikat berkenaan juga aktif memasarkan hasil ladang di media sosial Instagram. Hasil jualan syarikat berkenaan setahun adalah

dianggarkan berjumlah BND42,000.00

Pada lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri juga berkesempatan berbincang bersama pengurus-pengurus syarikat berkenaan mengenai isu-isu dan cabaran yang dihadapi

oleh syarikat-syarikat berkenaan juga memberi saranan agar pihak syarikat dapat memaksimumkan penggunaan tapak-tapak yang ditawarkan untuk meningkatkan lagi keluaran hasil ladang-ladang berkenaan ke tahap yang disasarkan.

## Pemenang Bintang Pelajar terima hadiah

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 April. - Dayang Rabiatul Nadzirah binti Radzuan wakil pasukan Pengakap Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri diumumkan sebagai Juara Bintang Pelajar Pasukan Beruniform 2018 setelah meraih markah tertinggi pada Peringkat Akhir Kuiz Bintang Pelajar Siri 4 Tahun 2018 yang berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB), di sini.

Peringkat Akhir kuiz tersebut juga menyaksikan tiga lagi Bintang Pelajar yang menyertai kuiz tersebut, iaitu Dayang Iffah Saffirah binti Haji Jasrin dan Nuradabiah Marsya Afiqah binti Ishak masing-masing dari Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, Sekolah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Dayang Hana Yusrina binti Awang Ibrahim mewakili Bulan Sabit Merah, Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad

Suffian bin Haji Bungsu.

Pertandingan Kuiz Bintang Pelajar itu dikhususkan bagi pelajar-pelajar Tahun 8 yang menganggotai pasukan-pasukan beruniform di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab sahaja.

Antara tujuan pertandingan ialah sebagai persiapan dan persediaan pelajar-pelajar untuk mengulang kaji pelajaran sebelum menghadapi peperiksaan yang akan datang, di samping menilai sejauh mana usaha, penguasaan dan pemahaman pelajar-pelajar di dalam mata pelajaran yang telah dipelajari.

Pada masa yang sama, ia juga bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar-pelajar dan menguji kecekapan kemahiran berfikir mereka dalam masa yang singkat.

Kuiz Bintang Pelajar Siri 4 Tahun 2018 dianjurkan oleh RTB dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli dan Unit Pasukan Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan.



PENGARAH Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu (tengah) selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada Dayang Iffah Saffirah binti Haji Jasrin, naib juara Pertandingan Peringkat Akhir Kuiz Bintang Pelajar Siri 4 Tahun 2018.



# Kempen Kebersihan semai sikap kerjasama



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) yang juga selaku Penaung AJK Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar menyertai Kempen Kebersihan membersihkan masjid tersebut bersama-sama takmir masjid yang lain.

**SUNGAI AKAR**, Ahad, 29 April. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar dengan kerjasama Ahli Muslimah masjid tersebut, penduduk Kampung Sungai Akar termasuk para sukarelawan bergotong-royong mengadakan Kempen Kebersihan di dalam dan luar masjid itu.

Hadir sama melakukan kerja berkebajikan itu ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga selaku Penaung AJK Takmir masjid tersebut. Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah, diteruskan dengan

aktiviti gotong-royong membersihkan masjid berkenaan. Kempen bertujuan menyemai dan menanamkan sikap bergotong-royong dan sikap suka menjaga kebersihan, yang sememangnya digalakkan dalam Islam, selain dapat menerapkan hubungan silaturahim antara warga masjid dan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar

penduduk kampung. Dengan adanya kempen kebersihan yang sememangnya menjadi sebahagian daripada iman itu, juga dapat mengimarahkan masjid dengan sama-sama menjaga rumah Allah sebagai tempat ibadah kepada Allah Yang Maha Esa.

# Program Mukim Sihat tingkat kesedaran masyarakat



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta pada Program Mukim Sihat bagi Mukim Mentiri (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika menyertai Program Mukim Sihat bagi Mukim Mentiri.

Oleh : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi  
Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan

**MUKIM MENTIRI**, Ahad, 29 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyeru setiap lapisan masyarakat untuk menerapkan amalan cara hidup sihat, kerjasama dan komitmen bagi menghadapi cabaran yang lebih kompleks, seiring dengan perubahan dan perkembangan persekitaran fizikal dan teknologi yang semakin pesat dalam hal berkaitan dengan kesihatan.

Berucap selaku tetamu kehormat melancarkan Program Mukim Sihat bagi Mukim Mentiri di Sekolah Rendah Dato Mohd.

Yassin, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri, di sini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tumpuan harus diberikan kepada pembangunan kapasiti di kalangan masyarakat melalui perubahan sikap yang positif dan pembangunan minda yang progresif, melalui pendekatan menyeluruh berteraskan amalan-amalan baik. Pembangunan modal insan yang terlatih dalam hal ehwal kesihatan adalah perlu diutamakan, agar menjadi contoh ikutan kepada masyarakat lain.

"Saya ingin melihat ramai lagi ahli-ahli masyarakat untuk tampil menjadi duta-duta kesihatan,

tidak kira peringkat umur dan latar belakang. Mereka yang dilantik adalah diharap menjadi pemangkin dan pemudahcara bagi program dan aktiviti promosi kesihatan setempat yang berkaitan, di samping menjadi penghubung di antara pesakit atau masyarakat setempat, dengan pihak kesihatan melalui Pusat Kesihatan yang terdekat," ujar Yang Berhormat lagi.

Program tersebut dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) RPN Panchor Mengkubau dan Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, RPN Menteri, ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat setempat mengenai isu-isu kesihatan seperti amalan cara hidup sihat dan penyakit-penyakit tidak

berjangkit, di samping bagi sama-sama memperkasa masyarakat setempat untuk mengamalkan amalan cara hidup sihat secara berterusan, dengan mengamalkan pemakanan yang sihat, melakukan kegiatan fizikal secara tetap, dan mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang membawa risiko tinggi kepada kesihatan, seperti merokok.

Program tersebut bertujuan untuk membarigakan pelbagai perkhidmatan yang disediakan untuk orang ramai, khususnya yang terdapat di hospital dan pusat-pusat kesihatan, perkhidmatan pergigian, klinik mata dan seumpamanya.

Program berkenaan dihasratkan sebagai pemangkin ke arah menggalakkan penduduk di kawasan mukim tersebut untuk

melakukan pemeriksaan saringan kesihatan, terutama bagi mereka yang berisiko tinggi untuk penyakit-penyakit tidak berjangkit dan menjadikan amalan cara hidup sihat sebagai satu inisiatif yang diungkuhkan, serta dimiliki oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sendiri (ownership).

Terdahulu majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan Pengerusi Bersama Program Mukim Sihat bagi Mukim Mentiri, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Selamat yang juga selaku Timbalan Pengerusi MPK Kampung Panchor Mengkubau.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sijil-sijil lantikan bagi Duta Kesihatan di Mukim Mentiri yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Di sepanjang Program Mukim Sihat bagi Mukim Mentiri, pelbagai aktiviti kesihatan diadakan, termasuklah sesi senamrobik, walkaton, pemeriksaan kesihatan, peraduan penyediaan menu sihat, pameran kesihatan dan penjualan produk-produk kampung kelolaan MPMK Mukim Mentiri.

Turut diadakan ialah taklimat pemakanan sihat, yang juga diselitkan dengan peraduan penyediaan menu sihat, di mana para pemenangnya turut menerima hadiah dari tetamu kehormat.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif dan Awang Maswadi bin Haji Mohsin.





**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNG-JAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 33/04/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 30 APRIL 2018**  
**TARIKH TUTUP: 14 MEI 2018**

<p><b>1. GURU UGAMA TERLATIH</b> <b>G.1 / G.2</b> BAHAGIAN III / IV JABATAN AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN <b>KEKOSONGAN = EMPAT (04)</b></p>	<p><b>2. PENGAWAS TINGKAT KHAS</b> <b>C.2 EB.3</b> BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b></p>
---	--

**PERATURAN 38(A)**

BILANGAN IKLAN 47/2018 (SPA/BIKL)  
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 30 APRIL 2018**  
**TARIKH TUTUP: 21 MEI 2018**

<p><b>1. PENOLONG KANAN JURUAUDIT AGUNG</b> <b>SUPERSCALE C</b> BAHAGIAN I JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b></p>
--

**PERATURAN 38(B)**

BILANGAN IKLAN 48/2018 (SPA/BIKL)  
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**TARIKH IKLAN: 30 APRIL 2018**  
**TARIKH TUTUP: 21 MEI 2018**

<p><b>1. AHLI BOMBA KANAN</b> <b>P.3</b> BAHAGIAN V JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN <b>KEKOSONGAN = TIGA (03)</b></p>
--

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**HELPLINE:**

**TALIAN DARUSSALAM 123**



**KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN KASTAM 2 / 2018**  
**BAGI MEMBEKAL SEGEL 'HIGH SECURITY CONTAINER' SEAL KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN KASTAM 3 / 2018**  
**BAGI MEMBEKAL SEGEL 'CABLE LOCK SEAL' KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SYARAT-SYARAT :**

- TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16 / 17 yang masih sah.
- Borang-borang tawaran bolehlah diperoleh di Unit Perkhidmatan Kewangan (UPEK), Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
- Sebut Harga hendaklah dalam mata wang Ringgit Brunei Darussalam (BND).
- Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran yang hendak dihadapkan.
- Hendaklah menyertakan **CONTOH-CONTOH SEGEL** yang akan dibekalkan.
- Pembekalan hendaklah siap dilaksanakan dalam tempoh **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tawaran dibuat.
- Hendaklah memberikan jaminan (*warranty*) selama **DUA (2) BULAN** dari tarikh pembekalan dilaksanakan dan diterima oleh jabatan.
- Pengalaman syarikat membuat pembekalan kepada pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan swasta sebelumnya adalah satu kelebihan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan (salinan surat lantikan).
- Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam dalam sampul surat yang tertutup rapat (*sealed*) pada :

Hari : **SELASA**  
Tarikh : **8 MEI 2018**  
Jam : **2.00 PETANG**

Sampul surat tawaran bagi **TAWARAN KASTAM 2 / 2018** hendaklah ditulis seperti berikut :

**SULIT**

**TAWARAN KASTAM 2 / 2018**  
**BAGI MEMBEKAL SEGEL HIGH SECURITY CONTAINER SEAL KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sampul surat tawaran bagi **TAWARAN KASTAM 3 / 2018** hendaklah ditulis seperti berikut :

**SULIT**

**TAWARAN KASTAM 3 / 2018**  
**BAGI MEMBEKAL SEGEL CABLE LOCK SEAL KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

11. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**EGNC / PM / 4.1 / 12.2017**

**"Maintenance of Wide Area Network Infrastructure For E-Government National Centre"**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. SYARIKAT atau perusahaan yang berminat untuk ikut serta di dalam tawaran ini mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya empat (4) tahun dalam pengendalian projek Enterprise Network Infrastructure.

2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran Highly Specilized di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang [www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx](http://www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx)

3. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga

yuran tawaran yang berjumlah BND500.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah BND5.00 dari :

**SEKSYEN KEWANGAN  
DIVISYEN PENGURUSAN  
KEWANGAN  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
SIMPANG 69-18  
JALAN E-KERAJAAN  
GADONG, BE1110  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap **Isnin** hingga **Khamis** dari **jam 8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi** sahaja.

4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN :**

**EGNC / PM / 4.1 / 12.2017**

**"Maintenance Of Wide Area Network Infrastructure For E-Government National Centre"**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JALAN MENTERI BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
tidak lewat dari **jam 2.00 petang** pada **Selasa, 1 Mei 2018.**

5. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan sijil pendaftaran syarikat yang terkini.

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JAWATAN KOSONG  
DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)**

Jawatan :  
**1) Deputy Executive Director  
Assistant Secretary-General;**

Permohonan hendaklah dihadapkan melalui :  
**United Nations Human Settlements Programme  
P.O. Box 30030,  
Nairobi 00100, Kenya  
Telefon : +254-20 762555  
E-mel : [unhabitat-oed@unhabitat.org](mailto:unhabitat-oed@unhabitat.org)**

**TARIKH TUTUP : 8 Mei 2018**

UNTUK makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut boleh didapati melalui laman sesawang :  
<https://www.unhabitat.org>





**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN BANDARAN,  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**KENYATAAN TAWARAN**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran** serta **tarikh tutup tawaran** itu tanpa menunjukkan **identiti pengirim**.
3. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors dan salinan kad pengenalan.
4. Bayaran menyertai tawaran ini ialah **BND12.00** bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibuat di :  
**Kaunter Bahagian Kewangan  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan  
Tingkat 3, Bangunan Bandaran  
Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan, BA1512  
Negara Brunei Darussalam.**
5. Dokumen sebut harga bolehlah didapati dari **Bahagian Perekonomian, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri** semasa waktu pejabat dibuka bermula **Sabtu, 28 April 2018**.  
Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran**

Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri Bandar Seri Begawan dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Tawaran dan Sebut harga  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam**

**NAMA TAWARAN :  
PERMOHONAN CADANGAN  
(REQUEST FOR PROPOSAL)  
TAWARAN PENGURUSAN DAN  
PENGENDALIAN GERAI RIA  
SEMPENA SAMBUTAN ULANG  
TAHUN KE-72 HARI KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TAHUN 1439H / 2018M**

**BILANGAN TAWARAN :  
JBBSB / SH / 2018-2019 / 02 / UPA**

**Tarikh tutup tawaran :  
Khamis, 10 Mei 2018  
Jam : 2.00 Petang**

6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

7. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih tinggi atau seumpamanya.



**JABATAN BELIA  
DAN SUKAN  
KEMENTERIAN  
KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**BIL. : ( 06 ) JBS / ADM / UP / 2018**

Peti Sebut Harga  
Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan  
Bandar Seri Begawan, BA1211  
Negara Brunei Darussalam.

**BIL. TAWARAN :  
(68) JBS / ADM / QC / 2018**

**KETERANGAN :  
MENGENDALIKAN GERAI RAMADAN  
BELIA (GRC2018) BERTEMPAT DI  
KAWASAN LAPANG LETAK KERETA  
J DAN K, STADIUM NEGARA  
HASSANAL BOLKIAH**

**YURAN TAWARAN : BND5.00**

**TARIKH TUTUP :  
2 Mei 2018M / 16 Syaaban 1439H (Rabu)  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**Cagaran :  
Seperti yang dinyatakan pada keterangan  
sebut harga -bagi setiap satu dokumen  
(tidak dikembalikan)**

DOKUMEN-DOKUMEN dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam.

**WAKTU MENERIMA BAYARAN :  
Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi  
Sabtu  
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**



**POLITEKNIK BRUNEI  
KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN**

Jawatankuasa Sebut Harga  
Politeknik Brunei Blok 2E  
Kondominium Jalan Ong Sum Ping  
Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam

**TAWARAN  
(1)**

**BILANGAN SEBUT HARGA :  
PB / KEW / PROC / Q / 2018 / 002  
KETERANGAN :  
THE SUPPLY AND DELIVERY OF  
OFFICE STATIONARIES FOR ONE  
(1) YEAR TO POLITEKNIK BRUNEI**

**BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN :  
(TIDAK ADA)**

**(2)  
BILANGAN SEBUT HARGA :  
PB / KEW / PROC / Q / 2018 / 003  
KETERANGAN :  
SUPPLY AND DELIVERY INK  
TONERS FOR PRINTERS IN  
POLITEKNIK BRUNEI  
FOR ONE YEAR**

**BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN :  
(TIDAK ADA)**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU  
BAGI KEDUA-DUA TAWARAN :  
Selasa, 1 Mei 2018  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**Waktu-waktu pengambilan  
dokumen tawaran :  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**



**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

TAWARAN adalah dipelawa kepada orang ramai bagi menghadapkan TAWARAN BILANGAN PENDAFTARAN KENDERAAN TIGA DAN EMPAT ANGKA SIRI BAV bagi nombor-nombor berikut :

**BAV 100 - 9999** (rujuk laman sesawang : [www.jpd.gov.bn](http://www.jpd.gov.bn))

Tawaran diterima bermula dari **Rabu, 25 April 2018** dan tarikh tutup pada **Sabtu, 26 Mei 2018, jam 11.00 Pagi**.

**PERATURAN  
DAN SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. Tawaran hendaklah dibuat dalam borang A1 yang boleh didapati di Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong dan Jabatan Pengangkutan Darat, Cawangan Daerah Belait, semasa waktu pejabat.
2. Orang ramai adalah diperingatkan untuk mengisikan butir-butir yang tertera di dalam borang ini dengan maklumat yang betul dan diperakui sah.
3. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup dengan menyertakan bersama salinan kad pengenalan, salinan lesen memandu pemohon serta salinan resit bayaran perkhidmatan sebanyak **BND25.00** (Ringgit : Dua Puluh Lima) bagi setiap bilangan pendaftaran.
4. Sampul surat hendaklah ditandakan dengan perkataan "TAWARAN BILANGAN PENDAFTARAN KENDERAAN" di bahagian atas kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Bilangan Pendaftaran yang terletak di Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi Gadong atau Jabatan Pengangkutan Darat, Cawangan Daerah Belait sebelum tarikh tutup tawaran.
5. Jabatan Pengangkutan Darat berhak untuk tidak menerima dan membatalkan mana-mana borang yang tidak lengkap dan lewat diterima. Bayaran perkhidmatan sebanyak **BND25.00** (Ringgit : Dua Puluh Lima) tidak akan dikembalikan sama ada tawaran berjaya ataupun sebaliknya.
6. Harga minima tawaran hendaklah tidak kurang dari **BND100.00** (Ringgit : Satu Ratus).

7. Penender yang berjaya hendaklah melunaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan bilangan pendaftaran yang ditawarkan di atas nama Penender sendiri dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat pemberitahuan kebenaran jabatan ini dikeluarkan.

8. Permohonan untuk melanjutkan tempoh bagi mendaftarkan bilangan pendaftaran yang ditawarkan hendaklah dihadapkan ke jabatan ini sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tempoh enam (6) bulan kebenaran awal di atas berakhir. Bayaran sebanyak 10% daripada harga asal tawaran akan dikenakan. Jabatan ini hanya akan memberikan sekali sahaja tempoh lanjutan selama tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, keseluruhan harga tawaran masih perlu dilunaskan sebelum tamat tempoh enam (6) bulan kebenaran asal berakhir, sebelum tempoh lanjutan boleh dipertimbangkan.

9. Jika penender yang berjaya gagal melunaskan pembayaran atau / dan mendaftarkan bilangan pendaftaran yang telah ditawarkan mengikut syarat-syarat dan tempoh yang telah ditetapkan seperti di pada para 7-8 di atas, maka jabatan ini berhak untuk menarik balik bilangan pendaftaran berkenaan dan akan ditawarkan semula kepada orang ramai. Sebarang wang pembayaran yang telah dilunaskan TIDAK akan dikembalikan.

10. Sebarang permohonan untuk menyerahkan / menukar milik bilangan pendaftaran yang belum didaftarkan hendaklah dihadapkan ke jabatan ini sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mansuh kebenaran jabatan ini.

11. Syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas adalah berpandukan pada Traffic (Identification Marks) Regulations, 2008.

Bagi sebarang pertanyaan dan urusan lanjut, orang ramai bolehlah berurusan terus dengan Kaunter 15, di Ibu Pejabat JPD, Jalan Beribi, Gadong atau Kaunter 5 di JPD Cawangan Daerah Belait atau hubungi Pegawai Melesen Kanan, Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan di jabatan ini di talian +673 2452302, pada waktu pejabat atau e-mel ke [info\\_ltd@land-transport.gov.bn](mailto:info_ltd@land-transport.gov.bn).



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERKELAYAKAN DAN  
BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
DI DALAM KELAS :  
II DAN III SAHAJA  
KATEGORI : [P01 SAHAJA]**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
8 MEI 2018 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN  
PADA :  
22 MEI 2018 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DWS / 002 / 2018**

**NAMA PROJEK :  
KONTREK PENYEWAAN JENTERA  
ANGKAT SUSUN BAGI  
STOR SINARUBAL LOJI  
RAWATAN AIR BUKIT BARUN,  
LAYONG, MENKUBAU,  
SUMBILING DAN BATANG DURI**

**YURAN TAWARAN : BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E - DOKUMEN : -**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG YANG  
BERKELAYAKAN DAN  
BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
DI DALAM  
KELAS : II DAN III SAHAJA  
KATEGORI : [KA01 & M03 SAHAJA]**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
1 MEI 2018 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP  
TAWARAN PADA :  
15 MEI 2018 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DWS / 004 / 2018**

**NAMA PROJEK :  
KONTREK PENGGAL BAGI  
KERJA-KERJA OPERASI  
DAN PEMELIHARAAN LOJI  
RAWATAN AIR BATANG DURI,  
TEMBURONG 2018**

**YURAN TAWARAN : BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E - DOKUMEN : -**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



# Bicara Sejarah kumpul pensejarahan Perkhidmatan Pos

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin merasmikan Bicara Sejarah 'Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam : Sejarah dan Perkembangannya' yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Bangunan Pusat Sejarah Brunei (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri KBS menyaksikan Pameran Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam : Sejarah dan Perkembangannya.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 April. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pos telah mengadakan Majlis Perasmian Bicara Sejarah 'Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam: Sejarah dan Perkembangannya' yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Bangunan PSB, di ibu negara.

Perasmian program tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B)

Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat.

Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Bersama Majlis berkata, program Bicara Sejarah itu diadakan sebagai salah satu usaha PSB untuk mendekatkan sejarah kepada setiap lapisan masyarakat di negara ini terutama sekali

generasi belia, para remaja dan penuntut sekolah.

Pemilihan Bicara Sejarah mengenai dengan perkhidmatan pos adalah kerana ia merupakan salah satu perkhidmatan yang tertua di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai nilai sejarah yang penting.

Seramai tiga orang pembentang telah diundang bagi membincangkan mengenai Sejarah Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam : Sejarah dan Perkembangannya, iaitu Awang

Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus; Penolong Ketua Pos Agung di Jabatan Perkhidmatan Pos, Awang Hamir Bin Mohamad Salleh, dan Awang Haji Bakar bin Haji Berudin dari Persatuan Filatelik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Sesi perbincangan itu dipengerusikan oleh Pegawai Kerja PSB, Awang Haji Muhaimin bin Haji Mohamed.

Objektif Bicara Sejarah adalah untuk menonjolkan dan

membarigakan sejarah awal kewujudan perkhidmatan pos di Negara Brunei Darussalam kepada orang ramai terutama generasi baharu dalam kalangan belia, di samping menarik minat orang ramai untuk mengumpul tentang pensejarahan perkhidmatan pos di Negara Brunei Darussalam.

Turut diadakan ialah Pameran Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam : Sejarah dan Perkembangannya selama tiga hari bermula 28 hingga 30 April 2018 di Galeri Sejarah, Bangunan PSB.

Sementara itu, pada Ahad, 29 April 2018, pameran juga akan diselenggarakan dengan 'Bandarku Ceria', di samping aktiviti-aktiviti Bicara Sejarah untuk orang ramai.

Peserta-peserta pameran adalah terdiri dari pihak Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan Bandar Seri Begawan, koleksi peribadi Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus dan koleksi peribadi Awang Haji Bakar bin Haji Berudin.

Di samping itu, pameran turut disertai oleh peserta luar negara iaitu terdiri daripada Perkumpulan Filatelis Indonesia, Kalimantan Barat dan Kelab Setem Persaudaraan MBHT Kuching di bawah undangan Persatuan Filatelik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

## Penerima Pingat Pahlawan Periwara, Asgar Pahlawan zahir kesyukuran

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad



9098 PW1 Johnson bin Anchon, salah seorang penerima Pingat A.P yang mana beliau bertugas sebagai SA Perumahan di Perkhemahan Lumut, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) selama 30 tahun (kiri). Sementara gambar kanan 17220 Koperal Muhammad Hidayat bin Abu Bakar dan 117219 Koperal Muhammad Luqueminol Hakimi bin Haji Awang Ahmad, penerima Pingat P.P merupakan antara tentera yang dihantar pada Misi Bantuan Kemanusiaan Gempa Bumi Nepal pada tahun 2015.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 April. - Dua pingat kehormatan yang baharu, iaitu Pingat Pahlawan Periwara (P.P)

dan Pingat Asgar Pahlawan (A.P) telah dianugerahkan pada Majlis Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan hari ini.

Para penerima terdiri daripada perwira-perwira Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan yang telah menyumbangkan jasa dan bakti mereka dengan mengharumkan nama negara di persada dunia.

Berangkat mengurniakan pingat-pingat tersebut, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pelita Brunei telah menemui beberapa orang penerima pingat-pingat tersebut pada majlis penganugerahan yang diadakan di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.

9098 PW1 Johnson bin Anchon, salah seorang penerima Pingat A.P yang mana beliau bertugas sebagai SA Perumahan di Perkhemahan Lumut, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) selama 30 tahun.

Beliau bergiat aktif dalam acara menembak sama ada dianjurkan di dalam mahupun luar negeri sejak tahun 1990 sehingga 2010.

"Di beberapa perlawanan menembak yang saya ikuti, saya dan pasukan pernah meraih johan. Sebagai wakil negara dan ABDB, sudah semestinya saya merasa bangga kerana dapat mengharumkan nama negara," katanya.

Sementara itu, 17220 Koperal Muhammad Hidayat bin Abu Bakar, penerima Pingat P.P merupakan salah seorang tentera yang dihantar pada Misi Bantuan Kemanusiaan Gempa Bumi Nepal pada tahun 2015 sekali gus pernah menyelamatkan mangsa lemas.

Begitu juga dengan 117219 Koperal Muhammad Luqueminol Hakimi bin Haji Awang Ahmad, seorang tentera yang dihantar pada Misi Bantuan Kemanusiaan Gempa Bumi Nepal pada tahun 2015.

Mereka berdua bertugas sebagai Paramedik di MRS Berakas Garison dan sudah berkhidmat selama 14 tahun.

Menurut Koperal Muhammad Hidayat, perkara mencabar sepanjang bertugas yang menguji mental dan fizikal dalam misi adalah memberi bantuan perubatan di perkampungan yang tidak ada bekalan perubatan dan memerlukan masa yang lama untuk sampai ke tempat yang dituju.

Koperal Muhammad Luqueminol Hakim menjelaskan, "berkomunikasi juga menjadi satu masalah kepada kami selama dua

minggu kami berada di sana memandangkan bahasa yang kurang difahami walaupun bahasa Inggeris serta keadaan cuaca tetapi Alhamdulillah, segalanya dapat dilalui dengan tenang dan lancar."

Sementara 21084 Staf Sarjan Diana binti Awang Jafar, juga penerima Pingat P.P yang mana beliau merupakan salah seorang tentera wanita yang pernah dihantar ke Misi Pengaman ke Lubnan di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) selama setahun.

"Banyak pengalaman telah diperoleh selama bertugas di Lubnan yang banyak membantu mereka mengenal erti pengorbanan dan tanggungjawab. Pengalaman yang berharga bagi saya adalah peluang untuk bertugas dengan tentera-tentera di negara luar yang di bawah naungan PBB," jelasnya.

Jika dilihat dari segi cabaran pula katanya, pertama adalah daripada segi pengorbanan daripada pihak keluarga di mana kami berjauhan selama lebih setahun kerana selain daripada melaksanakan misi selama setahun di Lubnan, kami juga menyertai kursus latihan integrasi pasukan di Malaysia.

Beliau yang sudah berkhidmat selama 20 tahun sekarang ini ditempatkan di Pusat Khidmat Perubatan Lumut.

Kesemua mereka menzahirkan rasa syukur serta menjunjung kasih di atas penghargaan yang diberikan.



21084 Staf Sarjan Diana binti Awang Jafar, penerima Pingat P.P, salah seorang tentera wanita yang pernah dihantar ke Misi Pengaman ke Lubnan di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL).



# Brunei - Republik Korea tandatangani MoU tingkat kerjasama



PENDATANGANAN MoU disaksikan oleh Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw. Antara yang hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, TYT Choo Won Myung.



PRESIDEN BKAF, Dr. Awang Haji Kamaruddin bin Dato Paduka Haji Talib bertukar MoU yang ditandatangani bersama Pengerusi KBFA, Mr. Lee Sang-Won.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

RIMBA, Sabtu, 28 April. - Sinar Tour mengendalikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Persatuan Persahabatan Republik Korea - Brunei (Korea - Brunei

Friendship Association - KBFA) dengan Persatuan Persahabatan Brunei - Republik Korea (Brunei - Korea Association for Friendship - BKAF) ke arah meningkatkan hubungan antara Brunei dengan

republik berkenaan. MoU tersebut merupakan usaha dua hala bagi menggalakkan kerjasama dan pertukaran rakyat, budaya dan ekonomi di antara kedua buah negara. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penandatanganan MoU tersebut ialah Timbalan Menteri Tenaga

(Energy) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw pada majlis yang berlangsung di Restoran Ilotus, di sini. Di majlis tersebut, menandatangani MoU bagi pihak KBFA ialah Pengerusi KBFA, Mr. Lee Sang-Won, manakala BKAF diwakili oleh Presiden BKAF, Dr.

Awang Haji Kamaruddin bin Dato Paduka Haji Talib. Antara yang hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, TYT Choo Won Myung, pegawai-pegawai kanan kerajaan, Presiden KBFA, Naib Pengerusi KBFA dan Pengurus syarikat-syarikat swasta.

## Projek Rintis kurangkan kemalangan penunggang motosikal



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad (dua, kiri) selaku Timbalan Pengerusi II MKKJR 2018 hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

SUNGAI AKAR, Sabtu, 28 April. - Dalam usaha berterusan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) ke arah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan serta menanamkan sikap menunggang motosikal yang selamat dan berhemah, satu projek rintis dengan kerjasama Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) serta persatuan-persatuan motosikal berdaftar dilancarkan di Kompleks Litar dan Latihan Memandu, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran projek tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad selaku Timbalan Pengerusi II MKKJR 2018.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji

Supry bin Haji Awang Ladi selaku Setiausaha MKKJR 2018; Pemangku Pengarah JPD,

Pengiran Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Yang Di-Pertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar menyampaikan sijil pengiktirafan penyampai taklimat bagi Projek Rintis Menanamkan Sikap Menunggang Motosikal Yang Selamat (Safe Riding) bagi Penunggang Motosikal di Negara Brunei Darussalam kepada penerima (kiri), sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

bin Pengiran Haji Ahmad; Pegawai Kanan Kementerian Perhubungan; Pengusaha-pengusaha Sekolah Memandu dan ahli-ahli persatuan motosikal berdaftar.

Pengiran Amirrizal dalam ucapan alu-aluan menjelaskan, Projek Rintis selama enam bulan tersebut, merupakan langkah awal JPD dalam menggubal kurikulum sekolah memandu khusus bagi motosikal, agar tatacara pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.

Tambahnya, taklimat yang akan disampaikan oleh jurulatih terdiri daripada agensi bukan kerajaan (NGO) ini juga dihasrat akan dapat membantu mengurangkan dan menangani isu-isu melibatkan kemalangan motosikal yang semakin meningkat.

Menurutnya lagi, Projek Rintis ini akan melibatkan pelatih-pelatih

yang baru lulus ujian motosikal, posmen, penunggang motosikal syarikat penghantar makanan dan barangan serta surat khabar.

Sesi taklimat yang akan diadakan pada setiap Sabtu berkenaan akan menyentuh aspek teori dan latihan praktikal berkaitan amalan menunggang motosikal yang baik, sama ada menunggang secara berseorangan atau berkumpulan.

Bagi pelatih yang baru lulus lesen kelas memandu motosikal, taklimat ini adalah merupakan salah satu syarat yang perlu mereka ikuti sebelum menerima lesen memandu.

Majlis diselenggarakan dengan sesi penyerahan sijil pengiktirafan penyampai taklimat kepada ahli-ahli PEMODA yang terpilih dan sesi taklimat yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua PEMODA.





# Anak yatim RPN Mentiri terima sumbangan



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (dua, kanan) menerima wakaf kenderaan jenazah yang diserahkan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim (kanan). Sementara gambar kiri, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid dan para jemputan yang hadir pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung.



**MUKIM MENTIRI**, Ahad, 29 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mentiri dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkihah, Kampung Mentiri mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung di masjid tersebut. Hadir selaku tetamu majlis tersebut, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle menyampaikan derma kepada anak yatim bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan 1 dan 39 dan RPN Kampung Mentiri Kawasan II.

**Berita dan Foto :**  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah Sekampung dan seterusnya penyampaian derma kepada 16 anak yatim Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan I dan 39 anak-anak yatim bagi RPN Kampung Mentiri Kawasan II yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Dengan adanya sumbangan derma tersebut diharap akan dapat menampung perbelanjaan para penerima lebih-lebih lagi di bulan

Ramadan yang bakal menjelang. Majlis diikuti dengan penyampaian wakaf kenderaan jenazah yang diserahkan oleh Awang Misle bin Haji Abdul Karim kepada tetamu kehormat, yang seterusnya menyerahkan kepada imam masjid berkenaan.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan penduduk-penduduk kampung, selain sebagai salah satu aktiviti tahunan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

## Fasilitator, peserta Bengkel SEAQIL terima sijil



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee (kiri) menyampaikan sijil kepada seorang fasilitator dan peserta bengkel.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 April. - Bengkel 'SEAQIL Goes to Schools : Compilation of Language Teaching Techniques' yang diadakan sejak 24 April lalu berakhir dengan penyampaian sijil kepada para fasilitator dan peserta bengkel.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian

Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee, berlangsung di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan, di sini.

Seramai enam orang fasilitator dan 21 orang guru bahasa dari sekolah kerajaan, 19 orang guru bahasa dari Institusi Pendidikan Swasta dan lima orang guru bahasa dari Jabatan Pengajian Islam menghadiri bengkel selama empat hari itu, berlangsung

di Dewan Persidangan 1 (PI), Kementerian Pendidikan dan Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA).

Bengkel dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dengan kerjasama 'SEAMEO Quality Improvement of Teachers and Education Personnel in Language' (SEAMEO QITEP in Language) Republik Indonesia.

Ia bertujuan untuk mengumpulkan Teknik Pengajaran Bahasa (Language Teaching Techniques) dari guru-guru di Negara Brunei Darussalam, di samping memberi peluang kepada para peserta bengkel untuk menimba ilmu dari pakar-pakar SEAMEO QITEP mengenai teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Mandarin.

Timbalan Direktori Program SEAMEO QITEP in Language, Ms Esra Nelvi Siagian semasa berucap pada majlis penutup tersebut antara lain menjelaskan, semasa bengkel, para peserta telah dapat menghasilkan 62 draf teknik pengajaran bahasa dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Mandarin.

"Kami percaya bahawa usaha dalam mengembangkan pendidikan bahasa selain meningkatkan guru-guru bahasa di rantau Asia Tenggara ini tidak akan terlaksana tanpa adanya kerjasama Kementerian Pendidikan di negara-negara yang terlibat," jelasnya.

## Sistem pas keluar masuk kenderaan (VES) secara dalam talian

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 April. - Sebagai usaha berterusan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dalam mempertingkatkan pemberian perkhidmatan kepada para pedagang dan orang ramai, jabatan berkenaan akan melaksanakan inisiatif permohonan mendapatkan kebenaran keluar / masuk kenderaan secara dalam talian (Vehicle Exit / Entry System) atau VES.

Sistem tersebut akan memudahcara dan mempercepatkan proses memohon kebenaran membawa kenderaan melepasi sempadan melalui Pos-pos Kawalan dengan membuat permohonan secara dalam talian melalui portal JKED di alamat [www.bdnsw.gov.bn](http://www.bdnsw.gov.bn) yang dapat diakses di mana-mana dan bila-bila masa sahaja.

Pelaksanaan sistem VES ini akan menggantikan sistem manual menggunakan borang yang diguna pakai pada masa ini.

Ini diharapkan dapat mengurangkan kesesakan di Pos-pos Kawalan bagi tujuan mengisi borang kenderaan.

Sehubungan dengan penggunaan sistem itu nanti, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga akan memperkenalkan sistem QR code untuk mengimbas (*scan*) pas VES yang setentunya akan dapat mengurangkan masa menunggu dan bagi memasukkan data ke dalam sistem.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga menyeru orang ramai untuk menggunakan sistem dalam talian tersebut dan mendapatkan pas VES terlebih dahulu sebelum membuat urusan merentas sempadan dengan mendaftarkan kenderaan masing-masing melalui sistem VES secara dalam talian lebih awal sebelum tarikh dan waktu perjalanan / urusan.

Di samping itu, orang ramai, iaitu pemilik-pemilik kenderaan adalah digalakkan untuk mengemas kini maklumat e-mel di dalam Sistem Pengangkutan Darat (SPD) bagi membolehkan notifikasi kepada pemilik kenderaan setiap kali kenderaan tersebut didaftarkan di dalam sistem VES.

Pas VES itu juga boleh disimpan dalam format digital dan dimuat naik ke dalam telefon pintar, tablet dan sebagainya ataupun dicetak ke atas kertas mengikut pilihan masing-masing.

Para pengguna hendaklah mengimbas pas VES di mesin pengimbas yang disediakan di Pos-pos Kawalan.

Tempoh sah laku pas VES ialah selama tiga bulan bermula tarikh pendaftaran.

Untuk keterangan lanjut mengenai sistem VES, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang [www.tradingacross-borders.gov.bn](http://www.tradingacross-borders.gov.bn) atau hubungi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan melalui talian +673 2382361 semasa waktu pejabat atau e-mel ke [info@customs.gov.bn](mailto:info@customs.gov.bn).



# سرديري

## فتيغن علم فغتهوان

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ  
{ رواه الإمام البخاري }

مقصود:

درفد أبو هريرة رضي الله عنه بركات، رسول الله صلى الله عليه وسلم  
برسيدا: برغسياف يغ منمقوه ساتو جالن انتوق منجاري علم فغتهوان مك الله  
اكن مفرمودهكن باكين سوات جالن انتوق كشرك.

كدوا: دالم شرح حديث أمفة قولوه كارغن إمام التواوي بهوا برغسياف  
برعمل دغن اف يغ دكتهوين، الله اكن موارثي أنتوق علم يغ تيدق  
دكتهوين.

كتيك: اورغ يغ برعلم فغتهوان دغندغ تيغكي اوله مشاركة دان اورغ  
يغ بميلكي علم جوك ساعته برأوتونغ كران علم ايت اداله جيو دان هرتا  
يغ تيدق اكن هيلغ دان هابيس.

مسلمين يغ درحمي الله،

الحمد لله، كيت برشكور كران كراجان كباوه دولي يغ مها مليا فادك  
سري يكندا سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام ساعة ممتيغكن  
مغناي حال إحوال فنديدين نكارا اين. كجيان دان كماجوان نكارا دماس  
هدافن ساعة بركتونغ كغد كأوفيان فنديدين انتوق مفاصلين مودل  
إنسان يغ بركوالي تيغكي.

كاره ايت دان جوك سباكيما سزاتيحي فنديدين واواسن نكارا  
2035، كمنترين فنديدين تله مغئل قسي فروكرام قبلاين فلاجر انتارابغسا  
(Programme for International Student Assessment - PISA) سباكي سالة ساتو فروكرام  
انتوق مغوكور كومفيتينسي فلاجر دالم فغتهوان دان كماهيران برفيكير.  
دغن فنندا أرس انتارابغسا سقرت فيسا (PISA)، إن شاء الله اكن دافة  
مبنتو مغئل قسي قلاوا ٢٤ دالم منجافي كجيان فنديدين دان جوك سباكي  
فماجو كاره أوسها قماهاروان دان قماغون فنديدين. قيرتان بروني دارالسلام  
دالم PISA 2018 اداله سلارس دغن حسرة واواسن نكارا 2035 يابت ملاهيركن  
وركنا نكارا يغ بركماهيران دان برقنديدين تيغكي دان اكن دكلي سباكي سواه  
نكارا يغ مقويي سوميرمانسي يغ برعلم، بركماهيران دان برنمادون تيغكي.

سسغكوهن علم فغتهوان ايت ساعة برهرك دان علم ايت تيدق اكن  
دقراوليهي جك تيدق دجاري دان دقلاجري. اوله ايت سموا اورغ قرو برأوسها  
منجاري دان منتوت علم سباقي موغكين دان تروس مينغككنن دري سماس  
كسماس. أخيرن سام ٢٤ كيت بردعاء سموك كيت تركولوغ درقد كالغن  
اورغ ٢٤ يغ سنتياس دمنهكن علم فغتهوان، مقويي فيمان قارا ني، علم حافظن  
قارا رسول، مقويي لهام قارا ملائكة دان مقراوليهي كعافين درقد الله  
سبحانه وتعالى دان سزوسن اكن مندافة كجيان هيدوف دنيا دان داخيرة. آمين  
يارب العالمين.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

فَتَعَلَى اللَّهِ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَى

إِلَيْكَ وَحْيُهُ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ۝ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{ سورة طه آية: ١١٤ }

تفسير:

مك مها تيغكي الله يغ مغواساي لاي مها بنر. دان جاغله أغكو ( واهي  
ني محمد ) تركسا ٢ مباح القرعان سلوم سلاسي دوحيوكن كغد مو دان  
بردعاءله: يا توهن كوا! مهي له اكو علم.

بارك الله لنا في القرءان العظيم، ونفعنا بالآيات والدكر الحكيم. وتقبل منا تلاوته  
إنه هوالسميع العليم، وأستغفرالله العظيم لي ولكم ولستأثر المسلمين  
والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فيا فوز المستغفرين ويا نجاه  
التائبين.

مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله كيت مينغككنن كتقوان كيت كغد الله سبحانه وتعالى دغن قوه  
كيقين دان كاخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهن دان مينغككنن سكل  
لاراعنن. مدهمدهن كيت منجادي إنسان يغ بريمان دان برتقوي سرت  
سلامة دنيا دان سلامة داخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

الله سبحانه وتعالى مواجيكن همبا ٢٢ انتوق منتوت علم. علم اداله  
كوخي كجيان انتوق منجافي كسلامتن، كسجهزان دان كجيان هيدوف  
دنيا دان داخيرة. كيت اداله دكالقن انتوق منتوت علم كران علم ايت  
اداله جهيا دان هدايه يغ منرغي كهيدوقن مانسي دري ككلفن دان  
كجاهيلن. قرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة آل عمران آية ١٨:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ۝ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

الله مترغكن كغد سكالين مخلوقن دغن دليل دان بوقتي بهوا تباد توهن  
برحق دسميه ملاينكن دي، يغ منتدبير سلوروه عالم دغن كعاديلن، دمكين جوك  
قارا ملايكة سرت اورغ ٢ يغ برعلم برقرار دان مفاكوي جوك بهوا تباد توهن  
ملاينكن دي يغ مها فركاسا لاي بيحسان.

إمام الشافعي رَحِمَهُ اللهُ تعالى مغناي فركارا منتوت علم اين تله  
بركات دالم وصيتين: تنتوتله علم سباقي موغكين كران اي اكن منجاك  
كامو دان مبوات كامو جمرغ دنيا دان داخيرة. علم يغ سينر ٢٢ اداله علم  
يغ مندككنن ديري كيت كغد الله سبحانه وتعالى.

أكام إسلام أمة مكالقن دان مغنوركن أومتن سفاي منرفكن  
علم أكام كغد أنق ٢ سحج مريك كجيل لاي. إيوياف برتغكوغجواب  
منجاك أمانه الله سبحانه وتعالى اين دغن سبايك ٢٢ دغن ممريكن أنق ٢  
مريك فنديدين يغ سمقرنا دان سلبغ يابت دُنياوي دان أُخراوي باكي  
مبنتوق جاتي ديري يغ منتغ دان مسلم يغ سجاتي دان سينر.

سسغكوهن تنقا علم فغتهوان، هيدوف مانسي اكن براد ددالم  
ككلفن. تنقا علم، كهيدوقن مانسي تيدق اكن ماجو دان تنقان جوك  
مانسي تيدق دافة ممبداكن انتارا كبران دغن كباطيلن. دغن علم سهاجله  
سسورغ اكن ترسلامة درقد تيقو دايا شيطان. الله سبحانه وتعالى برقرمان  
دالم سورة البقرة آية ٢٦٩:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا

وَمَا يَدْرَأُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ۝

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

دي ( الله ) ممريكن حكمه كغد سسيف يغ دكهندين، دان سسيف يغ  
دبريكن حكمه ايت، مك سسغكوهن دي تله دبريكن كجايكن يغ بايق. دان  
تبادل يغ دافة ممبيل فقاجران ملاينكن اورغ ٢ يغ مقويي عقل يغ دافة ممكيو  
دان مامهين.

مسلمين يغ درحمي الله،

سسغكوهن كيت دواجيكن منتوت علم كران كنجارن دان  
كليهنن اداله ساعة بسر، أنتاران:

قرتام: دفرمودهكن جالن منوجو كشرك. رسول الله صلى الله عليه وسلم  
برسيدا:



# Jabatan Penerangan adakan Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Ahad, 29 April. - Peserta perkampungan sivik lepasan ijazah merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan 'survival' bangsa dan negara, dari itu mereka perlu diberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara supaya mereka ini nanti akan dapat mengimbangi pengetahuan akademik mereka.

Sejajar dengan perkembangan semasa seperti peluang pekerjaan yang lebih mencabar, para peserta perlu didedahkan dengan pelbagai pengetahuan

dan pengalaman yang berguna sebagai persediaan mereka untuk mencari pekerjaan atau sebelum masuk ke alam pekerjaan.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad pada Majlis Pembukaan Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2018 yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini.

Tambahnya, program tersebut

diharapkan menjadi salah satu platform bagi mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran tinggi serta mampu berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain.

"Pada masa yang sama, para lepasan ijazah diharap akan mampu berfikir secara kreatif dan kritis, khususnya untuk mencapai Wawasan 2035, sekali gus mampu merebut peluang-peluang pekerjaan, bukan saja di sektor kerajaan, tetapi juga di sektor swasta," tegas beliau lagi.

Program kelolaan Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan tersebut melibatkan seramai 20 peserta terdiri daripada lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, yang mana mereka akan berkampung selama enam hari lima malam (29 April - 4 Mei) di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Selain menjalani sesi Ice Breaking dan Team Building yang dikendalikan oleh Outward Bound Brunei Darussalam (OBBB), para peserta juga berpeluang untuk mengikuti pelbagai bentuk sesi perkampungan termasuk taklimat dan sesi dialog, lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan dan swasta termasuk perusahaan kecil dan sederhana, sesi percambahan fikiran secara berkumpulan, aktiviti berpasukan, sukan dan riadah, aktiviti keagamaan serta kempen kebersihan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika ucapan alu-aluan pada Majlis Pembukaan Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2018.

Terdahulu, taklimat ringkas mengenai program berkenaan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Program berkenaan merupakan satu projek yang dilaksanakan melalui strategi kerja jabatan, iaitu 'Komunikasi Bersemuka' selaras dengan visi jabatan, sebagai salah satu agensi peneraju kerajaan dalam menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi kerajaan.

Selain itu, program tersebut juga menjadi platform ke arah melengkapkan para peserta untuk mampu berdaya saing, mampu mendepani segala cabaran dan mampu merebut peluang-peluang pekerjaan.

Program itu telah dikendalikan sejak tahun 1976 ini bukan sahaja memfokuskan kepada lepasan ijazah seberang laut tetapi kini dilaratkan kepada lepasan ijazah tempatan yang belum bekerja atau yang berminat untuk menjadi pengusaha.



ANTARA peserta yang menyertai Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2018.

## Team Building wujudkan semangat kerja berpasukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 April. - Dalam meningkatkan kekuatan rohani, fizikal dan mental bagi mempersiapkan diri sebelum berkhidmat, sama ada dalam peringkat swasta, kerajaan atau persendirian, satu aktiviti Program Team Building Perkampungan Sivik diadakan bagi para mahasiswa dan mahasiswi lepasan ijazah.

Mahasiswa dan mahasiswi terdiri daripada 20 orang lepasan ijazah dari dalam dan luar negara, iaitu United Kingdom, Mesir, Malaysia, Australia, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Aktiviti tersebut dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih dari Outward Bound Brunei Darussalam, iaitu Awang Mohd. Luqman @ Suhardy bin Kamaluddin.

Perkampungan Sivik berjalan selama enam hari lima malam yang bermula hari ini hingga 4 Mei 2018, bertempat di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun, Mukim Sungai Kebun, di sini.

Aktiviti hari pertama dimulakan dengan sesi suai kenal diikuti dengan Sembahyang Fardu Zuhur dan diteruskan dengan 'Team Building', Sembahyang Fardu Maghrib, bacaan Surah Yaa Siin dan Ratib Al-Attas, Sembahyang Fardu Isyak dan diakhiri dengan

aktiviti berkumpulan, iaitu Percambahan Minda.

Team Building tersebut diadakan untuk memberikan ruang kepada para peserta berkenalan sesama mereka, dan mewujudkan semangat kerja berpasukan, di samping memperkukuhkan hubungan dalam mencapai apa yang diinginkan.

Berita dan Foto :  
Aimi Sani

Antara objektif Perkampungan Sivik ialah memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan

memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.



ANTARA aktiviti Program Team Building Perkampungan Sivik diadakan bagi para mahasiswa dan mahasiswi lepasan ijazah.



# MINDA

## PEMBACA

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Hargai Hubungan Dengan Keluarga'. Tarikh Tutup : 2 Mei 2018
2. 'Air Kosong Penawar Pelbagai Penyakit'. Tarikh Tutup : 9 Mei 2018
3. 'Piala Hassanal Bolkiah Pupuk Perpaduan Belia ASEAN'. Tarikh Tutup : 16 Mei 2018

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

Menangi

# BND75

Setiap Minggu





# LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

## BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :

Tajuk-tajuk akan datang:

1) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018

2) 'Sukan dan Riadah' - Tarikh Tutup : 28 Mei 2018

3) 'Hijau' - Tarikh Tutup : 9 Jun 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Tajuk : 'Peralatan Untuk Melukis'

Keterangan gambar : Pensil warna adalah antara salah satu alat untuk melukis dan mempunyai warna-warni yang sangat menarik.

Kamera : Canon EOS 760D (DSLR) ISO:5000, focal length:50mm, Aperture f/3.2, shutter speed 1/60 Sec

Nama pemenang : Shariza Rodzimah binti Silau (01-050631)

Alamat: No.9, Kg. Kiudang, Jln. Mungkom, Tutong, TE1543, Negara Brunei Darussalam.

## HALUAN

# Akhiri pencemaran plastik

Dari muka 2

"*Sesungguhnya Kami menawarkan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya dan manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.*" (Al-Ahzab : 72).

Sebab itu kita selaku manusia seharusnya insaf, berhenti melakukan kerosakan terhadap alam sekitar yang merupakan percanggahan terhadap naluri diri dan bercanggah terhadap amanah Allah yang menuntut manusia berbuat kebaikan.

Hari ini, kita mengorak langkah lagi dengan menjalankan usaha

bagi sama-sama menjaga alam sekitar sepanjang masa sepanjang tahun. Usaha mengurangkan penggunaan beg plastik ini juga adalah bagi menyahut titah dan menjunjung hasrat murni Kebawah DYMM untuk melihat negara kita bersih daripada sampah di sepanjang masa seperti yang dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Khas Menteri-Menteri Kabinet pada 21 Jamadilakhir 1439H bersamaan dengan 7 Februari 2018M :-

"*Bahagian dalam negeri dan kesihatan serta semua agensi yang berkaitan pula, bersihkanlah Brunei ini dari segala sampah dan kotoran. Longkang, sungai dan kawasan*

*pasar rayaa khasnya bersihkan segera bukan bersih kerana adanya kempen sebulan sekali tetapi bersih untuk sepanjang masa. Tanganilah ia secara bersepadu.*"

Kementerian Pembangunan bersedia bekerjasama dengan semua pihak termasuk NGOs untuk menjayakan apa juga inisiatif ke arah menangani isu-isu kebersihan dan menjaga alam sekitar dan akan bertindak secara bersepadu dalam menangani pencemaran daripada plastik.

Kejayaan dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini bebas daripada pencemaran plastik bergantung sepenuhnya daripada tindakan semua pihak, terutama sekali pihak pasar raya dan gedung-gedung perniagaan, pemilik kedai runcit dan orang

ramai yang jadi pengguna bagi plastik. Sekiranya tiada kesedaran dalam kalangan kita semua mengenai pencemaran daripada beg plastik, segala perancangan yang diungkayahkan oleh pihak kerajaan tidak akan berjaya sepenuhnya.

Saya percaya dan yakin dengan adanya sokongan padu daripada semua golongan masyarakat di negara ini, penambahan hari Khamis yang menjadikan empat hari dalam seminggu tanpa beg plastik bukan sahaja mampu mewujudkan golongan peniaga yang lebih bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan penjagaan alam sekitar negara kita, tetapi ia juga akan dapat dijadikan contoh kepada masyarakat keseluruhannya.

Kita perlu berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menjadikan

alam sekitar kita bersih daripada kotoran dan pencemaran, termasuk kotoran plastik. Kita seharusnya bertanggungjawab menyediakan alam sekitar yang bersih kepada diri kita, anak-anak dan generasi kita seterusnya agar mereka dapat sama menikmati alam sekitar yang bersih dan kesihatan yang baik.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala saya dengan ini melancarkan Penambahan Hari Tanpa Beg Plastik bermula hari ini 3 Syaaban 1439H bersamaan 19 April 2018M.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.*



# Islam : Teras pembangunan di Brunei Darussalam

Oleh : Pg. Dato Seri Setia  
Dr. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd.  
Rahman dengan kerjasama Meja  
Kandungan Khas, Pelita Brunei

## SIRI : IV

### 3. TAHAP MEGA

**B**OLEH dikatakan bahawa tahap pembangunan berteraskan Islam di Brunei adalah di 'Tahap Mega' mengikut kemampuan, bukan sampingan, bukan sambilan kerana hasrat ke arah ini mempunyai asas yang kuat dalam sistem perundangan negara dan falsafahnya serta lahir daripada ketua negara sendiri sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di peringkat awal pemerintahan baginda lagi pada tahun 1967 titah baginda :

"Beta percaya bahawa rakyat beta yang dikasihi sekalian sedia maklum bahawa pembangunan bahagian agama yang telah dilancarkan dengan baiknya itu adalah merupakan pada keseluruhannya sebagai alat atau sistem untuk terus mencapai satu matlamat yang menjadikan Islam itu sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh nikmat bagi keseluruhan rakyat dan penduduk di Negeri Brunei Darussalam."

Merujuk kepada ungkapan 'Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap' membayangkan hasrat baginda supaya ajaran Islam itu dihayati dan dipraktikkan dalam semua aspek kehidupan serta pembangunan mental mahupun fizikal seperti pentadbiran, pelajaran, ekonomi, adat istiadat, sosial, kebudayaan, kerohanian, komunikasi, pemakanan dan lain-lain, di mana ajaran Islam dapat diserapkan dan disalurkan. Jadi memandangkan hasrat ini datangnya dari ketua negara sendiri maka tentulah ia sangat tinggi nilainya dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak dalam negara dan berusaha ke arah menjayakannya. Hasilnya selepas lebih 50 tahun baginda melafazkan titah tersebut, corak pengurusan pembangunan yang berteraskan Islam telah dapat dilihat dan dirasakan peningkatannya di Brunei. Dalam pada itu usaha memantapkan dan memperkemaskannya terus berjalan dengan baik dari semasa ke semasa. Ini menunjukkan baginda memandang jauh ke hadapan dan penuh yakin bahawa ajaran Islam itu akan membawa kebahagiaan kepada rakyat baginda dan negara ini.

### 4. PERMASALAHAN

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa memandangkan hasrat untuk menjadikan Islam sebagai teras kehidupan sehari-hari termasuk pengurusan dan pembangunan dalam segala bidang adalah datangnya daripada pucuk pimpinan negara sendiri, maka dipercayai ia tidak menghadapi sebarang masalah. Malahan hal sedemikian telah dapat menutup jurang pergeseran dan merapatkan perpaduan dalam kalangan rakyat dan antara rakyat dengan para pemimpin negara, kerana sama-sama berazam dan bertekad untuk mendukung Islam yang mengajarkan nilai-nilai luhur seperti perpaduan, bertolong bantu, amanah, cekap, hormat-menghormati dan seumpamanya.

Masalah yang timbul sejak Brunei mula memasuki era moden di zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ialah kekurangan *man power* (tenaga manusia) yang berkualiti untuk



PENGHANTARAN anak tempatan keluar negara untuk melanjutkan pengajian dalam bidang ugama dalam tahun 50-an.

mengisi keperluan negara. Ini berlaku dalam tahun 50-an. Untuk mengatasi perkara ini baginda segera melancarkan rancangan penghantaran para pelajar tempatan ke luar negara (ke seberang laut) bagi mendapatkan pendidikan yang setinggi-tingginya dalam pelbagai bidang dan jurusan yang diperlukan oleh masyarakat dan negara, di samping itu baginda juga telah mendapat kerjasama yang erat dari negara-negara sahabat dalam rantau ini seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Timur Tengah dan United Kingdom dengan meminjamkan orang-orang yang berkeahlian dalam bidang pengurusan, pentadbiran, teknikal dan bidang keagamaan dan lain-lain untuk berkhidmat di Brunei.

Selari dengan peredaran masa, maka benih yang telah disemai di atas telah menampakkan hasilnya. Mulai tahun 60-an anak-anak tempatan yang berkelulusan tinggi telah dapat memainkan peranan masing-masing dalam membangun negara. Walau bagaimanapun, kekurangan tenaga pakar dalam setiap bidang memang sentiasa dirasakan kerana Brunei tidak mampu untuk melahirkan tenaga pakar dengan segera. Ini mungkin disebabkan bilangan rakyat Brunei sangat sedikit maka sedikit pula bilangan yang cemerlang itu.

Sedangkan jendela pembangunan semakin terbuka luas dan bidang-bidang yang perlu diteroka juga semakin banyak sesuai dengan derasnya era globalisasi, zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dunia tanpa sempadan. Hal ini telah menyebabkan Brunei masih bergantung kepada tenaga-tenaga pakar dari luar negara. Tetapi ini pun dijangka hanya bersifat sementara, kerana anak-anak tempatan sekarang semakin ramai yang berusaha memperoleh kepakaran-kepakaran yang diperlukan oleh negara.

Bagi mempercepatkan perkara ini, rasanya pelbagai insentif dan inisiatif serta tawaran penyediaan kedudukan yang lebih baik mungkin perlu diwujudkan sebagai daya tarikan yang kuat untuk anak-anak tempatan menceburkan diri dalam kepakaran yang tertentu, sesuai dengan tempoh masa yang panjang yang diambil untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu kepakaran. Ajaran Islam sangat menggalakkan usaha ini sebagaimana

firman Allah Ta'ala :

**Maksudnya :** *Katakanlah : "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"*

(Surah Az-Zumar, ayat 9)

Dan firman Allah Ta'ala lagi :

**Maksudnya :** *Wahai orang-orang yang beriman, apabila dikatakan kepada kamu : "Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : "Berdirilah", hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.*

(Surah Al-Mujadalah, ayat 11)

Mengenai masalah pengangguran yang menjadi masalah negara akhir-akhir ini, rasanya penyelesaian ke arah ini mungkin dapat dicari jika kita mengambil panduan dengan meneliti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1426 Hijrah. Antara lain titah baginda :

"Mengikut statistik, pada tahun 2004, jumlah anak tempatan yang berdaftar mencari pekerjaan ialah seramai 7,784 orang, sedangkan pekerja asing yang bekerja di negara ini berjumlah 75,273 orang. Berdasarkan statistik tersebut, sepatutnya tidaklah akan berlaku pengangguran di kalangan anak-anak tempatan di negara ini.

Menyentuh mengenai isu pengangguran ini, kerajaan beta telah memberikan peluang kepada semua golongan untuk memperoleh kemahiran bekerja dan pengalaman berusaha yang dapat meningkatkan mobiliti mereka. Ia merupakan pelaburan yang penting dan dapat memberikan manfaat secara keseluruhan.

Adalah tidak terlalu sukar untuk memperoleh kemahiran bekerja serta

pengalaman berusaha yang telah diperkenalkan oleh kerajaan beta di negara ini. Namun sejauh mana ia mencapai matlamatnya, mungkin saja tidak terlepas dari beberapa sebab tertentu, di antaranya dari sikap individu sendiri." (Pelita Brunei, 27 April, 2005 : 2).

Islam adalah agama yang sangat menggalakkan para penganutnya berusaha dan bekerja. Dalam Islam tidak ada istilah pengangguran. Berusaha dan bekerja bagi mencari rezeki yang halal untuk menyara diri sendiri dan keluarga adalah satu tuntutan agama yang perlu dilaksanakan. Melaksanakan tuntutan tersebut adalah satu ibadat yang akan dikurniakan ganjaran yang besar oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana ditegaskan dalam beberapa hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya :** *"Seandainya seorang daripada kamu membawa tali, kemudian dia datang dengan seikat kayu yang diangkat di belakangnya lalu dijual kayu-kayu tersebut sehingga ia dapat menjaga maruahnyanya, maka hal itu adalah lebih baik baginya daripada dia meminta-minta kepada orang yang belum tentu sama ada dia diberi atau tidak."* (Hadis riwayat Imam Bukhari)

Dan sabda baginda lagi :

**Maksudnya :** *"Satu dinar yang engkau belanjakan pada jalan Allah dan satu dinar yang engkau belanjakan pada seorang hamba dan satu dinar yang engkau sedekahkan kepada orang miskin dan satu dinar yang engkau belanjakan kepada keluargamu, pahala yang paling besar ialah dinar yang engkau belanjakan terhadap keluargamu."* (Hadis riwayat Imam Muslim).

Maksud sebuah hadis yang masyhur lagi ialah "Setiap penyakit ada ubatnya."

kita tidak disuruh berdiam diri tetapi dikehendaki berusaha sedaya yang mungkin mencari jalan penyelesaiannya. Sebab itu Islam menentang sikap egoistik, sikap *selfish*, dan sikap individualistik, sebaliknya menanamkan semangat kolektif, bergotong-royong, bekerjasama, tolong-menolong, bantu-membantu, bermesyuarat dalam apa jua kerja bagi kebajikan masyarakat dan pembangunan negara termasuk dalam penyelesaian masalah pengangguran ini.



# Thailand hanya mampu ikat Timor-Leste, 1 - 1



PENJAGA gawang pasukan Timor Leste berjaya menyelamatkan gawang pasukannya daripada dibolosi oleh para pemain pasukan Thailand.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Ahad, 29 April. - Setelah kecewa dengan kekalahan ketika menentang tuan rumah dua hari lalu, pasukan Thailand sekali lagi mendapat kejutan dengan hanya mampu seri, 1 - 1 ketika menentang pasukan Timor Leste, sekali gus tersingkir dari Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah,

Berakas, di sini. Gol sulung bagi pasukan Thailand dijaringkan oleh Phapirom Pithak, sementara Rufino Walter Gama menjaringkan gol bagi pasukan Timor Leste. Separuh masa pertama bermula dengan baik bagi pasukan Thailand apabila bijak mengawal permainan dan melakukan beberapa serangan berbahaya, sementara pemain pertahanan

pasukan Thailand bermain dengan baik dan mematikan sebarang ancaman daripada pemain penyerang pasukan Timor Leste.

Phapirom beraksi cemerlang apabila melakukan asakan dengan dua percubaan berturut-turut hingga memaksa pemain pertahanan pasukan Timor Leste melakukan kecuaiian yang dimanfaatkan dengan baik oleh beliau pada seawal minit ke-3.

Babak kedua perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan dengan pasukan Thailand hampir sahaja menggandakan jaringan menerusi Paso Sittichok apabila percubaan jarak dekatnya tidak menepati sasaran pada minit ke-48.

Manakala pada minit ke-60 pula, pemain pertahanan pasukan Timor Leste, Nidio Ricardo Ferreira Alves gagal memanfaatkan peluang setelah rembatan tajamnya berjaya didakap kemas oleh Lakkhonphon Nopphon.

Nasib pasukan Timor Leste bertambah malang apabila terpaksa bermain dengan 10 pemain setelah Gumario Augusto Fernandes dilayangkan kad merah setelah beroleh kad kuning kedua akibat mengasari pemain penyerang pasukan Thailand pada minit ke-68.

Rufino Walter Gama akhirnya muncul wira bagi pasukan Timor Leste setelah menjaringkan gol menerusi sepakan percuma yang menewaskan penjaga gawang pasukan Thailand, Lakkhonphon

Nopphon pada masa kecederaan.

Pada sidang media bersama Ketua Jurulatih pasukan Timor Leste, Eduardo Pereira menjelaskan, walaupun terpaksa bermain dengan 10 pemain setelah ketinggalan 1 - 0 pada separuh masa kedua, beliau berpuas hati dengan motivasi anak didiknya untuk menjaringkan satu gol.

Manakala itu, Pengurus pasukan Thailand, Maruay Marhasaranukun menjelaskan, pemainnya tidak fokus untuk memanfaatkan pendahuluan jaringan tersebut.

"Seterusnya, pasukan kami akan mengalih perhatian pada Kejohanan Persekutuan Bola



Sepak ASEAN (AFF) di Indonesia yang bakal berlangsung pada Julai 2018," jelas beliau.

## Lao PDR cerahkan peluang mara ke separuh akhir



AKSI perlawanan di antara pasukan Kemboja dan pasukan Lao PDR pada HBT 2018.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 April. - Bangkit dari kekalahan kepada pasukan Singapura pada Rabu lepas dalam aksi Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018), pasukan Lao PDR menebus kembali kealahannya dengan menewaskan pasukan Kemboja, 2 - 1.

Permainan pada separuh masa pertama didominasi oleh pasukan Kemboja setelah berjaya menembusi gawang pasukan Lao PDR pada minit ke-15 hasil jaringan pemain jersi 12, Sos Suhana.

Pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, pasukan anak didik Mehmen Fatih Kale mula bangkit pada separuh masa kedua apabila pemain berjersi 22, Phithack Kongmathilath berjaya menjaringkan gol pada minit ke-69.

Phithack Kongmathilath sekali lagi berjaya membolosi gawang lawan hasil dari sepakan percuma pada masa kecederaan pada minit ke-93, sekali gus membawakan kejayaan kepada pasukan Lao PDR.

Dalam sidang media bersama Ketua Jurulatih pasukan Kemboja, Prak Sovannara walaupun



pasukannya banyak melakukan kesilapan semasa perlawanan menentang pasukan Lao PDR, namun masih ada harapan untuk pemain-pemain pasukan Kemboja untuk bangkit daripada kesilapan mereka apabila menentang pasukan Singapura pada 30 April ini di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sementara itu, Ketua Jurulatih pasukan Lao PDR, Mehmen Fatih Kale berkata, perubahan strategi pada separuh masa kedua telah membuahkan hasil kepada permainan anak didiknya sehingga memperoleh kemenangan.

Dengan kemenangan itu, pasukan Lao PDR kini selesa berada di tangga kedua dalam Kumpulan B.

## SM Muda Hashim, SM Tanjong Maya juara Kluster 5



PEMANGKU Pengarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohamed Jais bin Haji Abdul Rahman menyampaikan piala kemenangan kepada salah seorang pemain terbaik (atas). Sementara gambar bawah, antara aksi perlawanan pasukan SMTM dan pasukan SMMH.



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**TUTONG**, Sabtu, 28 April. - Sekolah Menengah Tanjong Maya (SMTM) dan Sekolah Menengah Muda Hashim (SMMH) muncul juara dalam kategori masing-masing pada Kejohanan Bola

Sepak Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Kluster 5, Tahun 2018 diadakan di Padang Kompleks Sukan Tutong, di sini. SMTM telah menjuarai Kategori B selepas berjaya menewaskan

SMMH dengan keputusan 2 - 1. Dengan keputusan perlawanan akhir tersebut SMMH meraih tempat kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

Manakala bagi Kategori C, SMMH muncul juara selepas menumpaskan SMTM 1 - 0. Dengan kekalahan SMTM pada perlawanan akhir tersebut sekaligus menjadikan pasukan berkenaan menduduki naib juara, manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Pusat Tingkatan Enam Tutong.

Pemain Terbaik bagi Kategori B dianugerahkan kepada Kapten Pasukan SMTM, Md. Syazwan bin Abdullah Ardy Iswandy. Sementara, Pemain Terbaik bagi Kategori C dimenangi oleh Abdul Malek bin Harith dari SMMH.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian piala dan pingat kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohamed Jais bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir ialah Pengetua-pengetua, Timbalan-timbalan Pengetua sekolah yang terlibat, Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Kokurikulum Tutong dan juga guru-guru pengawas pasukan bola sepak sekolah-sekolah yang mengikuti kejohanan tersebut.

Kejohanan antara lain bertujuan untuk menjalinkan silaturahmi dalam kalangan murid, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keseluruhan budi serta membina jasmani dan rohani yang sihat dan mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.



# Sukan

## INFO SUKAN

MENYERTAI bagi Kumpulan 'B' pada Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018) ialah Lao PDR, Kemboja dan Singapura.



ePaper Pelita Brunei



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

## Larian Reintegrasi 2018



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir dan menyertai Larian Reintegrasi 2018 sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-64 Tahun bagi Kategori Fun Run (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melepaskan para peserta bagi Kategori 'A' 10 Km Lelaki Terbuka pada larian tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 April. - Lebih kurang 1,000 orang menyertai Larian Reintegrasi 2018 sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-64 Tahun yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir sama menyertai larian itu

bagi Kategori Fun Run ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Tiga kategori dibukakan, iaitu Kategori 'A' 10 Kilometer (Km) Lelaki Terbuka, Kategori 'B' 10 Km Wanita Terbuka dan Kategori

'C' Fun Run sejauh 3 Km yang disertai oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, Ketua Akar Umbi, Pengurus-pengurus Syarikat, pihak-pihak NGOs, para sukarelawan dari Kelab Komuniti Belia Transformasi, rakan-rakan seliaan juga orang ramai serta perwakilan dari Jabatan Penjara Miri, Limbang dan Labuan.

Terdahulu sesi senaman pemanasan badan diikuti dengan pelepasan acara berkenaan oleh Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri.

Bagi Kategori 'A' 10 Km Lelaki Terbuka dijuarai oleh Njori Charles Munyua, sementara menduduki tempat kedua Younes Ammouta dan di tempat ketiga, Awang Haji Jupli bin Haji Pangis.

Sementara itu, Kategori 'B' 10 Km Wanita Terbuka mendahului garisan ialah Yvette Jacobine Maria Kortekaas, berada di tempat kedua ialah Dayang Siti Fatimah binti Mohammad dan di tempat ketiga, Dayang Marnie Farizan binti Haji Ahmad.

Para pemenang bagi Kategori

Lelaki dan Wanita Terbuka 10 Km masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai berjumlah BND500, BND300 dan BND150. Acara kali kedua itu juga dimeriahkan dengan jualan produk dan kraf tangan dari Jabatan Penjara dan rakan-rakan seliaan.

Larian Reintegrasi adalah untuk menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kempen mempromosikan cara hidup sihat serta menyokong aktiviti Bandarku Ceria.

## Perubahan waktu perlawanan bola sepak HBT 2018

Siaran Akhbar : Urusetia Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak ASEAN 2018, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 April. - Urusetia Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa perlawanan bola sepak bagi Kumpulan 'A' di antara pasukan Negara Brunei Darussalam dan pasukan Myanmar di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB) dan juga Kumpulan 'B' di antara pasukan Singapura dan pasukan Kemboja di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas yang dijadualkan pada Isnin, 30 April 2018 bermula jam 8.15 malam adalah diubah waktu perlawanannya kepada jam 9.00 malam bagi kedua-dua perlawanan bagi menghormati Nisfu Syaaban 1439 Hijrah yang jatuh pada petang Isnin malam Selasa, 30 April 2018 Masihi.

Pintu-pintu masuk akan dibuka kepada orang ramai bermula jam 7.30 malam di kedua-dua venue perlawanan.

Orang ramai juga dimaklumkan bahawa tempat-

tempat menunaikan solat ada disediakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (Multi Purpose Hall) dan Surau SNHB, di mana Sembahyang Fardu Maghrib, membaca Surah Yaa Siin dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah akan diadakan.

Jika SNHB penuh, urusetia juga menyediakan skrin besar dan tempat-tempat duduk di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyaksikan perlawanan di sana.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai HBT 2018, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi kejohanan di [www.hassanalbolkiatrophyp.gov.bn/](http://www.hassanalbolkiatrophyp.gov.bn/) atau [www.hbt2018.gov.bn](http://www.hbt2018.gov.bn).

Radio Televisyen Brunei juga akan menayangkan perlawanan secara langsung dan *livestream* juga dapat diikuti melalui [www.hassanalbolkiatrophyp.gov.bn/](http://www.hassanalbolkiatrophyp.gov.bn/) atau [www.hbt2018.gov.bn](http://www.hbt2018.gov.bn).

## Pengambilan 2001 juara kejohanan bola sepak

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 April. - Pasukan Pengambilan 2001 membuktikan keahliannya apabila berjaya menundukkan pasukan Pengambilan 1993 (B) dalam Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak bagi Bekas Pelajar Ma'ahad Islam Brunei Tahun Pengambilan 1984 - 2011 Kali Ke-3, 2018.

Juara (jersi kelabu) membawa pulang wang tunai BND500, Piala Pusingan, Piala Kejohanan, pingat serta baucer-baucer minyak kenderaan dan khidmat cuci kereta.

Sementara naib johan membawa pulang wang tunai BND300 serta piala kejohanan dan pingat serta baucer-baucer tersebut.

Tempat ketiga diraih oleh pasukan Pengambilan 1999 (A) dan Pengambilan 1997 di tempat keempat.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang di Dewan



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyampaikan hadiah kepada johan Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak bagi Bekas Pelajar Ma'ahad Islam Brunei Tahun Pengambilan 1984 - 2011 Kali Ke-3, 2018.

Serbaguna Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Tetamu kehormat majlis juga menyampaikan johan Piala FA yang dimenangi oleh pasukan Pengambilan 1990 (A).

Manakala Awang Khairun

Nadzereen bin Haji Mohd. Daud dinobatkan sebagai Pemain Terbaik kejohanan kali ini.

Sebanyak 32 pasukan menyertai kejohanan anjuran Syarikat Amanah Haji Abdullah (SAHA) sejak 6 April lalu sebagai satu wadah dalam menyatupadukan bekas-bekas pelajar Ma'ahad Islam Brunei sejak ia ditubuhkan pada tahun 1990.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

HIDUPKAN, PERBANYAKKAN AMAL IBADAH PADA MALAM NISFU SYAABAN

دتریبیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.